


**Jilid II  
Bil. 8**



**Hari Isnin  
23hb Jun, 1980**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

**Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1065]**

**Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1066]**

**URUSAN MESYUARAT**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1067]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) [Ruangan 1108]**

**Rang Undang-undang Ahli-ahli Parlimen (Saraan) [Ruangan 1130]**

**MALAYSIA**

**PARLIMEN KELIMA-DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SRI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K. J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RAMSI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Isnin, 23hb Jun, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN  
YANG DI-PERTUA

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memper-setujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut :

1. Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1980;
2. Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980;
3. Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980;
4. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980;
5. Akta Perubatan (Pindaan) 1980;
6. Akta Jururawat (Pindaan) 1980;
7. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1980;
8. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980;
9. Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980;
10. Akta Dagangan Komoditi 1980;
11. Akta Penghitungan Semula Pencen 1980;
12. Akta Elektrik (Pindaan) 1980;
13. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980; dan

14. Akta Filem Wayang Gambar (Pena-pisan) (Pindaan) 1980.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan).*

“

20hb Jun, 1980.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya :

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980);
2. Rang Undang-undang Ahli-ahli Parlimen (Saraan);
3. Rang Undang Penyelarasan Pencen;
4. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Saraan Hakim Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkenaan dan Tempatan;
7. Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan);
9. Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);

10. Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan); dan
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan).

Tandatangan:  
 YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

### URUSAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini: Rang Undang-undang itu seperti di bawah ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980);
2. Rang Undang-undang Ahli-ahli Parlimen (Saraan);
3. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen;
4. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan;
7. Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan);
9. Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan); dan
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### SAHAM BUMIPUTRA DI SYARIKAT MINYAK SHELL/ESSO

**1. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan saham-saham yang dipunyai oleh Bumiputra dalam syarikat-syarikat minyak seperti Shell, Esso dan lain-lain di negara ini dan sama ada beliau akan mengarahkan syarikat-syarikat tersebut supaya menjual sekurang-kurangnya 30% daripada saham-saham mereka kepada Bumiputra mengikut Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah saham dan modal syarikat-syarikat minyak adalah seperti berikut:

*Syarikat Shell (M) Trading Sdn. Bhd.*

Modal dibayar \$160 juta, ke semuanya dimiliki oleh Warganegara British.

*Esso Malaysia Berhad*

Modal dibayar \$62 juta.

Susunan ekuiti:

Bumiputra

(Bank Simpanan Nasional) 1.8%

Warganegara Amerika 73.8%

(Esso Eastern Inc. USA).

Bakinya dimiliki oleh orang ramai.

*Mobil Oil Malaysia Sdn. Bhd.*

Modal dibayar \$2.1 juta, ke semuanya dimiliki oleh warganegara Amerika.

*Caltex Oil Malaysia Ltd.*

Modal dibayar \$10.7 juta, ke semuanya dimiliki oleh warganegara Amerika.

*BP. Malaysia Sdn. Bhd.*

Modal dibayar \$30 juta, kesemuanya dimiliki oleh Warganegara British.

Syarikat-syarikat minyak diminta mengemukakan rancangan menyusun semula ekuitinya kepada Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru ini sudah lama berjalan, tetapi apa Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap tadi, Caltex 100% dipunyai oleh orang Amerika, Shell 100% dipunyai oleh orang barat, Mobil begitu juga dan B.P. pun begitu juga. Saya

hendak tahu bila keputusan ini akan siap untuk bumiputra participate sekurang-kurangnya 30%; tak payah 51%, 30% pun cukuplah, bila masanya. Adakah mengambil masa setahun lagi, dua tahun lagi atau dua puluh tahun lagi, targetnya bila boleh diberi?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru dari segi penyertaan bumiputra dalam equity syarikat-syarikat itu akan tercapai 30% menjelang tahun 1990 dan syarikat-syarikat ini telah diberitahu matlamat Dasar Ekonomi Baru dicapai dengan seberapa cepat yang boleh.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan berkenaan dengan syarikat-syarikat yang telahpun menjual sebahagian daripada saham-sahamnya mengikut arahan yang dibuat oleh Kementerian sebelum wujudnya Dasar Ekonomi Baru. Daripada senarai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya nampak hanya syarikat Esso sahaja yang telah menjual saham-sahamnya. Apa yang saya suka bertanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi mereka yang telahpun memenuhi syaratnya pada masa yang dahulu, masa peraturan itu ditetapkan, tetapi saham-saham yang telah diperuntukkan kepada bumiputra itu telah dijual semula oleh kaum bumiputra dan mungkin diambil balik oleh syarikat Esso sendiri ataupun orang ramai yang lain. Saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pendirian Kerajaan terhadap sikap-sikap syarikat yang sedemikian?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang menguruskan petroleum atau barang-barang petroleum diperintah di bawah Akta Pembangunan Perusahaan Petroleum dan baharu-baharu ini Kerajaan telah mengarahkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menadbirkan Akta Pembangunan Perusahaan Petroleum berkenaan dengan segala downstream aktiviti kena dilesenkan oleh Kementerian saya. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat ini baharu sahaja diberi tahu bahawa syarat yang dikeluarkan apabila lesen di bawah Akta ini dikeluarkan ialah syarikat

ini mesti menyusun ekuiti syarikat-syarikat tersebut dengan secepat mungkin untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru.

Jawapan khususnya kepada soalan Yang Berhormat Senator mengenai saham-saham yang diperuntukkan melalui Kementerian saya untuk dibahagikan kepada kaum bumiputra, Kementerian ini telah ada satu dasar yang mana lepas bulan April ini saham-saham ini tidak dapat diperuntukkan kepada bumiputra perseorangan. Langkah ini diambil atas kajian yang dibuat kepada Kementerian saya yang mana kebanyakan saham ini yang diperuntukkan oleh bumiputra perseorangan telah dijual di pasaran saham, apabila saham ini diperuntukkan dan ini tidak akan membawa faedah kepada bumiputra dalam jangka masa panjang untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru.

**Datuk Sri Haji Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada di antara syarikat-syarikat telah menguntukkan sahamnya kepada bumiputra tetapi telah dijawab olehnya iaitu saham-saham yang telah diuntukkan kepada bumiputra ini telah dijual balik. Adakah kenyataan ini benar, sebab bukan sahaja kepada bumiputra berasingan yang menjual bilik tetapi kepada badan-badan berkanun yang menjadi terus bumiputra; teras menjaga hak bumiputrapun menjual balik saham yang diuntukkan kepada mereka, betul atau tidak?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang saya telah buat tadi ialah selepas satu kajian atau satu survey yang dibuat pada penghujung tahun lalu yang mana kebanyakan daripada perseorangan dan juga syarikat-syarikat bumiputra yang telah diperuntukkan saham-saham ini dijual saham itu di pasaran Stock Exchange dalam masa satu bulan apabila peruntukan dibuat. Ada juga kemungkinan badan-badan berkanun ada tukar milik saham itu tetapi itu diikhtiarkan selaras dengan dasar badan berkanun itu.

## YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA

2. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menambahkan modal Yayasan Pelaburan Bumiputra

hingga mencapai satu ribu juta ringgit untuk meningkatkan penyertaan bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Yayasan Pelaburan Bumiputra boleh ditambah mengikut keperluan dan juga taraf pencapaian Dasar Ekonomi Baru serta kemampuan Kerajaan. Tetapi ini tidak akan menjamin tercapainya maksud dan tujuan Yayasan Pelaburan Bumiputra. Yang penting ialah kesanggupan orang bumiputra membeli segala saham Unit Trust kepunyaan Yayasan Pelaburan Bumiputra yang mana ini akan memberi tambahan wang untuk pelaburan tambahan oleh Yayasan Pelaburan Bumiputra. Oleh itu, soal tambahan peruntukan oleh Kerajaan tidak harus dijadikan tumpuan oleh kaum bumiputra.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya terkejut juga mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan soal ini tidak boleh dibangkitkan bagi oleh bumiputra melainkan bumiputra harus membeli saham. Saya suka bertanya iaitu dalam Dasar Ekonomi Baru yang kita semua dokong sekarang berkehendak dijalankan bukan sahaja setakat yang ada tetapi menumpukan kepada 30% atau lebih. Kalau Kerajaan tidak dapat atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak boleh menambah cadangan yang demikian, saya tidak nampak perkara-perkara semacam ini boleh dijalankan mengikut Dasar Ekonomi Baru. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengapa Kementerian tidak boleh menambah demi untuk memajukan bumiputra dalam Dasar Ekonomi Baru?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Senator itu silap faham. Saya mengatakan tadi Yayasan ini boleh ditambah mengikut keperluan dan juga kemampuan Kerajaan. Wang yang diperuntukan bagi Yayasan Pelaburan Bumiputra datang dari Kerajaan, jadi hendak tambah atau tidak ini bukan satu masalah. Masalahnya ialah kemampuan atau keupayaan bumiputra, baik perseorangan atau syarikat untuk membeli saham-saham yang dikhaskan supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu 30% daripada saham-saham pada menjelang tahun 1990 dimiliki kekal oleh kaum bumiputra itu dapat dicapai.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berbunyi begini. Sungguhpun dasar Kerajaan mengikut Dasar Ekonomi Baru iaitu 30% telah diberi untuk kaum bumiputra untuk memiliki saham sehingga setakat tahun 1990, tetapi setakat masa sekarang adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa sekarang penyertaan kaum bumiputra kurang daripada 10% yang mereka mempunyai saham-saham di segala bidang perniagaan, apapun juga bumiputra ini pegang kurang daripada 10%. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi peratusan saham-saham yang dipegang oleh bumiputra di semua lapisan ekonomi tetapi khusus di sektor perkilangan (manufacturing sector) semua syarikat-syarikat yang diluluskan oleh Kementerian saya sampai akhir tahun 1979, 32% daripada saham-saham itu yang dicadangkan dikhaskan kepada kaum bumiputra, tetapi daripada itu 15% sahaja dimiliki oleh kaum bumiputra dan kaum bumiputra akan diberi peluang untuk memiliki bagi saham itu.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh didebatkan dengan panjang lebar oleh kerana kalau tidak ada kekuatan membeli (buying power) saham ini bagaimana bumiputra hendak membeli, tahun 1980, 1990 atau tahun 2,000 pun nanti kaum bumiputra tidak dapat membeli, sebab dengan buying power itu kita dapat membeli tetapi ini tidak ada. Oleh kerana iktisadnya lemah, kaum bumiputra tidak dapat membeli saham-saham ini. Dengan sebab itu boleh atau tidak oleh kerana kekurangan kekuatan membeli (buying power) tadi, Kerajaan menimbangkan pertambahan, bukan sahaja berapa melion tadi tetapi dua atau tiga kali ganda banyaknya supaya pada tahun 1990 nanti sekurang-kurangnya 30% daripada saham-saham ini ataupun iktisad dalam negeri ini dipunyai oleh bumiputra.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab.

## PENDATANG HARAM VIETNAM

**3. Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang akan diambil memandangkan sambutan untuk menerima pendatang-pendatang haram di negara ini begitu mengeciwakan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sambutan negara-negara ketiga (penerima) untuk menerima dan menempatkan pendatang-pendatang haram Vietnam yang berada di kem-kem sementara negara ini tidaklah sama sekali mengeciwakan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mungkin Ahli Yang Berhormat telah pun maklum bahawa hasil daripada Persidangan Geneva mengenai orang-orang pelarian Indochina bulan Julai tahun lepas, negara-negara penerima telah melipatgandakan tempat-tempat menetap pendatang-pendatang haram Vietnam ini, iaitu daripada 125,000 tempat kepada 260,000 tempat untuk seluruh Tenggara Asia. Malaysia telah pun menyatakan penghargaannya di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh negara-negara ketiga ini. Hasil daripada ini, maka jumlah pendatang haram Vietnam yang berada di kem-kem sementara di negeri ini telah banyak berkurangan dan menurun daripada lebih 76,000 orang pada bulan Jun 1979 kepada 22,242 orang pada 17hb Jun ini. Ini menunjukkan bahawa sambutan daripada negara-negara penerima setakat ini adalah memuaskan.

Seterusnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam persidangan yang baru-baru ini diadakan di Geneva bulan lepas untuk mendapatkan bantuan peri kemanusiaan orang-orang pelarian Kampuchea, Yang Berhormat Mulia Menteri Luar telah menyuarkan rasa bimbang negara kita bahawa pada tempoh-tempoh kebelakangan ini, proses perpindahan ke negara ketiga pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini agak lembab sedikit. Misalnya kita dapati bahawa pada bulan April dan Mei tahun ini, terdapat jumlah orang-orang pelarian Vietnam yang mendarat di pantai-pantai kita bertambah sedikit jika dibandingkan dengan mereka yang diberi tempat di negara ketiga.

Jumlah seramai 22,242 orang pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini merupakan bilangan yang besar. Oleh itu, Yang Berhormat Mulia Menteri Luar telah juga merayu kepada negara-negara penerima supaya mempercepatkan lagi proses penempatan tetap pendatang-pendatang haram Vietnam yang berada di negara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan pendatang haram daripada Indochina ini juga hasil daripada persidangan negara-negara Islam baru-baru ini telah menyarankan supaya Malaysia mengambil pendatang haram orang-orang Islam seramai 50,000 orang daripada Indochina, khususnya daripada Kampuchea supaya ditempatkan di Malaysia ini. Bagaimanakah sikap Kerajaan kita dalam saranan ini?

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu keputusan yang telah dibuat oleh Persidangan Negara-negara Islam di Islambad baru-baru ini. Malaysia sekarang ini sedang mengadakan hubungan dengan pihak Sekretariat Persidangan Negara-negara Islam berkenaan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## BAHASA MALAYSIA DI JABATAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK— PENGUNAAN

**4. Tuan Haji Latip bin Haji Dris** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Bahasa Kebangsaan telah dilaksanakan dengan jayanya di semua Jabatan Kerajaan di Negeri Sarawak sekarang; jika belum nyatakan sebabnya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat itu, Kerajaan Negeri sudahpun membuat usaha yang positif untuk mempergiatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di semua bidang. Langkah dan usaha yang tegas telah diambil untuk menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam semua Jabatan, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan supaya mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua urusan dan tugas rasmi sepenuhnya sama ada dari segi perhubungan surat mahupun pertuturan.

Namun begitu memanglah ada kalangan yang belum melengkapkan diri dengan sepenuhnya bagi menggunakan Bahasa Kebangsaan. Pihak Kerajaan sentiasa memberi segala galakan yang perlu bagi membantu kalangan ini menjayakan pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Perkara penggunaan Bahasa Kebangsaan di Sarawak memang telah terkandung di dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962 yang mana telah menentukan tarikh Bahasa Kebangsaan itu boleh digunakan sepenuhnya. Saya yakin Dewan Undangan Negeri (Council Negeri) Sarawak akan mempertimbangkan perkara ini apabila sampai masanya kelak.

## BANTUAN RANCANGAN PEMILIHAN KAMPUNG

**5. Tuan Haji Abdul Samad bin Said** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kampung yang telah dipilih untuk diberi bantuan di bawah Rancangan Pemulihan Kampung di seluruh negara.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat itu bilangan kampung yang telah dipilih untuk diberi bantuan di bawah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) bagi Semenanjung Malaysia dalam tahun 1979 adalah berjumlah 600 buah kampung. Sementara bagi tempoh tahun 1980, jumlah kampung yang diperuntukkan bagi bantuan RPK ialah sebanyak 1,138 buah.

Bagi Negeri Sabah dan Sarawak untuk tempoh yang sama, kedudukan dan jumlah kampung adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Rancangan Pemulihan Kampung mengandungi projek-projek bantuan untuk memperbaiki rumah-rumah, menyediakan peruntukan kampung dan peruntukan permulaan projek.

Bagi projek membaiki rumah, bantuan-bantuan yang diberi adalah setakat \$1,000 bagi tiap-tiap rumah. Di bawah bantuan peruntukan kampung pula, sesebuah kampung yang dipilih itu bolehlah menjalankan projek-projek seperti pembinaan jalan, jambatan, tempat mandi, tandas, padang permainan, tempat ibadat dan juga projek-projek gotong royong. Sementara bagi bantuan peruntukan

permulaan projek, kampung-kampung yang dipilih boleh menggunakan peruntukkan tersebut untuk mengadakan kajian kemungkinan untuk projek-projek kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan projek ekonomi seperti bengkel dan sebagainya.

Kerajaan akan menilai dan mengkaji dasar dan melaksanakan RPK dari masa ke semasa supaya rancangan ini akan menjadi lebih berkesan dan memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Peruntukan-peruntukan pemulihan rumah di bawah RPK bagi Semenanjung Malaysia ialah \$10,230,000.00 untuk tahun 1979 dan \$18,703,000.00 bagi tahun 1980. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak telah masing-masing mendapat peruntukan \$4,000,000.00 dalam tahun 1979 dan dalam tahun 1980 tiap-tiap negeri itu diberikan peruntukkan sebanyak \$6,000,000.00 di bawah rancangan ini.

## LESEN TEKSI—DASAR PENGELUARAN

**6. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada dasar Kementerian telah berjaya dalam dasarnya berhubung dengan lesen teksi supaya dikeluarkan kepada mereka yang betul-betul mencari rezeki dengan jalan itu.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan mengeluarkan lesen teksi pada mereka yang betul-betul mencari rezeki dengan memandu teksi adalah berjaya dan ianya mendapat sokongan daripada semua pemandu-pemandu teksi dan juga orang ramai. Tentulah ada golongan-golongan tuan punya teksi yang kini mempunyai lebih dari satu teksi berasa tidak puas hati terhadap dasar ini. Keluaran kepada mereka akan juga tertakluk kepada dasar baru apabila luput tarikh lesen mereka iaitu selepas tujuh tahun daripada tarikh pengeluarannya.

**Dr Choo Kooi Fook:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah Kementerian ini sedar bahawa setakat ini kita masih mendengar aduan pemandu-pemandu teksi yang telah memandu lebih daripada sepuluh tahun dan masih belum dapat lesen teksi mereka sendiri? Bagi golongan ini saya ingin tahu dari Kementerian berkenaan, adakah satu cadangan

mengadakan satu skim untuk mengatasi mereka ini sebab pada hari akan datang kita tidak akan mendengar lagi mereka mengadu: "Oh! saya sudah memandu teksi lebih 14 tahun dan tidak dapat lesen lagi". Itulah yang saya hendak tahu.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pihak Lembaga Pelesenan sedang memproses lebihkurang 8,000 permohonan teksi dan barangkali pemandu yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu seorang daripada pemohon-pemohon.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam hal memproses ini dapatkah Kementerian ini memberitahu Dewan bahawa dinyatakan senarai manusia-manusia yang gelojoh, yang banyak lesen teksinya kepada orang ramai kepada orang ramai dan berapa lama lagi matlamat ini dapat benar-benar dimiliki oleh pemandu-pemandu teksi.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, satu-satu lesen itu dikeluarkan selama tujuh tahun. Jadi kita berharap dalam masa tujuh tahun daripada tarikh keluaran kepada orang-orang yang memiliki lebih daripada satu itu akan ditamatkan apabila luput lesen teksinya.

## KAPAL SELAM RUSSIA DI SELAT MELAKA

**7. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Russia telah menempatkan kapal selamnya di Laut China Selatan dan Selat Melaka; jika benar, nyatakan sikap Kerajaan Malaysia mengenai perkara ini.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa kapal-kapal selam Russia ditempatkan di dasar laut Selat Melaka. Walau bagaimanapun, kita memang sedar tentang pelayaran yang berterusan dan cepat kapal selam Russia melalui Selat Melaka. Ini adalah hak pelayaran "innocent" (innocent passage) selagi pelayaran tersebut tidak memudaratkan keamanan, kesejahteraan negara atau keselamatan negara-negara berpantai. Kapal-kapal selam walau bagaimanapun adalah dikehendaki belayar di permukaan laut dengan

menunjukkan bendera mereka. Peruntukan-peruntukan ini adalah terkandung di dalam Konvensyen Geneva Tahun 1958 mengenai "Territorial Sea" dan "Contiguous Zone". Malaysia adalah anggota Konvensyen Geneva tersebut.

Meskipun Malaysia mengakui rejim "innocent passage" ini, kita adalah sentiasa mengawasi dengan teliti ke semua kapal perang dan kapal selam, termasuk yang dipunyai oleh Soviet Union, di Selat Melaka untuk menentukan bahawa kehadiran tersebut adalah hanya untuk tujuan pelayaran yang berterusan dan cepat dan kapal-kapal tersebut tidak bertindak dengan cara yang berlawanan dengan rejim pelayaran "innocent" (innocent passage) serta tidak menjejaskan keselamatan negara.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya oleh kerana territorial waters kita pada hari ini lain daripada dahulu, iaitu dahulu tiga batu tetapi sekarang sudah bertambah, hendak minta sampai 200 batu, oleh kerana tembakan peluru dan sebagainya lebih kencang lagi jauhnya, dengan sebab itu saya hendak bertanya iaitu Selat Melaka adalah satu passage yang kecil, dengan sebab itu barangkali 25 batu sahaja di antara Sumatra dengan Malaysia. Jadi, territorial waters Indonesia dan kita ada saya dengar iaitu apabila kapal-kapal selam atau kapal perang melalui Selat Melaka mesti memberitahu Kerajaan Indonesia dan Kerajaan kita. Adakah perkara ini telah berjalan selama hari ini?

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soal kedudukan selat sedang dibincangkan dalam Law of the Sea Conference di bawah United Nations dan takrif sama ada sesuatu selat itu dianggap sebagai diberi hak kebebasan pelayaran di bawah regim innocent passage ataupun transit passage sepertimana yang sedang bincangkan sekarang ini masih lagi belum dapat suatu penerimaan muktamad oleh persidangan yang tersebut. Oleh sebab itu, sehingga hari ini Malaysia masih lagi berperang kepada konsep yang telahpun kita terima di bawah Geneva Convention sehingga ada sesuatu keputusan yang muktamad di bawah Law of the Sea Conference yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

## PENDATANG HARAM VIETNAM

**8. Tuan Yap Peng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan pendatang-pendatang haram sekarang dan sama ada beliau akan mengambil tindakan tegas untuk memindahkan semua pendatang haram itu ke negeri-negeri lain.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil pengertian apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu menggunakan istilah "pendatang haram" itu bermakna pendatang haram Vietnam. Dalam konteks ini, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa berpegang teguh kepada dasar perikemanusiaan dalam menghadapi masalah pendatang-pendatang haram Vietnam ini. Itulah sebabnya maka kita telah membenarkan kemudahan persinggahan (transit facilities) kepada pendatang-pendatang haram Vietnam ini sebelum mereka dapat dipindahkan oleh UNHCR untuk bermastautin di negara-negara ketiga atau negara penerima.

Malaysia juga telah kerap kali menggesa pihak Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan tentang orang pelarian serta negara-negara penerima supaya proses pendatang-pendatang haram Vietnam yang ada di pusat-pusat persinggahan di Kuala Lumpur untuk dihantar ke negara ketiga itu perlu dipercepatkan lagi. Negara kita telah berkali-kali menyatakan pendirian bahawa dalam menghadapi masalah pendatang-pendatang haram Vietnam ini, Malaysia tidaklah mahu dibeban dengan masalah saki-baki.

Kedudukan pendatang-pendatang haram Vietnam hasil daripada kerjasama rapat UNHCR, negara-negara ketiga dan juga Vietnam yang telah menepati perakuannya pada Persidangan Geneva Julai, 1979 untuk menyekat pemergian mereka ini secara haram maka jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam yang berada di negara kita ini telah berkurangan.

## PETA ZON EKONOMI MALAYSIA

**9. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan :

- (a) nama pulau-pulau dalam peta zon ekonomi baharu Malaysia, yang dituntut oleh negara ASEAN sebagai kepunyaan mereka; dan
- (b) sama ada pulau-pulau itu ada penduduknya dan jika ada nyatakan dengan negara mana mereka membuat perhubungan selama ini.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisytiharan zon ekonomi eksklusif 200 batu Malaysia oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25hb April, 1980 itu telah tidak disertai oleh sebarang peta. Oleh yang demikian, soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tiada timbul buat masa ini.

## RUNDINGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA-SINGAPURA

**10. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan di antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Singapura dan nyatakan juga sama ada rundingan itu meliputi prinsip persetujuan Kuantan, masalah Kampuchea dan perkara-perkara lain hasil dari rundingan Menteri Luar Malaysia dengan Menteri Luar Vietnam baru-baru ini.

**18. Tuan Chua Ching Cheng** minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan pusingan pertama dengan rakan sejawatnya Encik Lee Kuan Yew Perdana Menteri Singapura mengenai isu kepentingan bersama pada 12hb dan 13hb Mei tahun ini.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini akan juga menjawab soalan No. 18 daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chua Ching Cheng.

Hasil perundingan saya dengan Perdana Menteri Singapura yang diadakan dalam bulan Mei lalu adalah seperti berikut :

Saya telah menerangkan kepada Perdana Menteri Singapura mengenai perbincangan saya dengan Presiden Suharto di Kuantan berkenaan dengan masalah Kampuchea, terutama dengan apa yang dikatakan "formula Kuantan". Perdana Menteri Singapura bersetuju bahawa suatu penyelesaian hendaklah diperolehi secepat mungkin.

Kami berdua juga mengalu-alukan dan menyokong resolusi ECOSOC meminta Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan mesyuarat antarabangsa mengenai bantuan kemanusiaan kepada orang-orang Kampuchea.

Mengenai perkara dua hala, kami bersetuju, pada dasarnya, menubuhkan Jawatankuasa Antara Negara (Inter-Governmental Committee) yang akan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri masing-masing.

Berkenaan penimbunan di sebelah Singapura dalam kawasan Selat Tebrau, Perdana Menteri Singapura telah memberi pengakuan bahawa penimbunan itu tidak akan memberi apa-apa kesan buruk kepada sempadan antarabangsa dan juga menjejaskan perjalanan keluar masuk ke Pelabuhan Pasir Gudang.

Perdana Menteri Singapura telah bersetuju menimbangkan permohonan Malaysia berkenaan dengan tambahan tanah yang berhampiran dengan Pengkalan Tentera Laut di Raja Malaysia di Woodlands.

Kami berdua telah bersetuju supaya perundingan berkenaan Perjanjian Perkhidmatan Udara boleh disambung semula dengan tujuan memperbaiki perkhidmatan ke Pulau Pinang kepada SIA. Perdana Menteri Singapura faham dan menerima bahawa perkhidmatan udara ke Sabah dan Sarawak oleh SIA tidak boleh dibangkitkan lagi.

Kami berdua telah bersetuju membuat kajian mengenai mengadakan sebuah lagi tambak atau jambatan di Selat Tebrau.

Perdana Menteri Singapura telah menerangkan kepada saya keperluan mendapatkan tanah di kawasan Stesyen Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar kerana kegunaan membesarkan jalan. Permohonan ini akan dipertimbangkan.

Masa merundingkan kerjasama ekonomi, kami berdua bersetuju kerjasama ini diperkukuhkan lagi demi kepentingan bersama. Perdana Menteri Singapura menyatakan bahawa Kerajaannya akan menggalakkan mana-mana industri yang hendak pindah ke Malaysia.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama barangkali ada kaitan dengan jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu adakah benar bahawa pendapat rakyat dalam negeri ini mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Singapura adalah duduk di satu bangku sekolah satu ketika dahulu.

Kedua, termasuk atau tidak dalam perundingan itu soal membetulkan perkhidmatan bas dan motokar antara Singapura dan Johor Bharu.

**Perdana Menteri:** Soalan yang pertama itu tak ada berbangkit dalam soalan di sini, saya minta notis. (*Ketawa*).

Kedua, berkenaan dengan perkhidmatan bas tidak dirundingkan.

#### LAWATAN MENTERI LUAR VIETNAM KE MALAYSIA

**11. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan Malaysia dalam perbincangan dengan Menteri Luar Vietnam yang mengunjungi Malaysia baru-baru ini.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat telah pun maklum, Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach telah melawat Malaysia di antara 8-11 Mei, 1980. Lawatan tersebut dibuat bagi membalas lawatan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri ke Hanoi dalam bulan Januari 1980.

Semasa lawatan ini di samping mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar sendiri, Encik Nguyen Co Thach juga telah melakukan kunjungan hormat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Semasa lawatan ini Yang Berhormat Menteri Luar telah berkesempatan membangkitkan beberapa perkara dengan Encik Nguyen Co Thach dalam perkara-perkara mengenai perkembangan di rantau ini, terutamanya konflik di Kampuchea, masalah pendatang-pendatang haram Vietnam dan tuntutan Vietnam terhadap pulau dalam

pelantar benua kita di Laut China Selatan. Hasil perbincangan-perbincangan yang diadakan tidaklah dapat dinilai dalam jangka waktu yang singkat.

Bagaimanapun lawatan tersebut adalah amat berfaedah untuk usaha mencari jalan supaya sebarang masalah yang ada di antara Malaysia dengan Vietnam khususnya dan di antara ASEAN dengan Vietnam amnya dapat diatasi, secara perundingan dan damai. Kita percaya perbincangan serupa ini juga dapat membuka jalan kepada negara ASEAN untuk mengadakan serta meneruskan dialog dengan Vietnam bagi kepentingan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Vietnam telah menyatakan kesediaan demi kepentingan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara, untuk berbincang dengan Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain berkenaan Konsep ZOPFAN seperti yang terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971. Malaysia dan ASEAN telah menyambut baik kesediaan ini dan kita akan terus membuka pintu berdialog dengan Vietnam ke arah ini.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Malaysia beritahu Menteri Luar Vietnam itu bahawa Pulau Amboyna itu hak Malaysia positively, kawasan itu kepunyaan Malaysia dengan terang. Apakah jawapan Menteri Luar berkenaan?

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab satu kenyataan yang tegas yang dibuat oleh pihak kitalah, maka ada sambutan yang perkara itu akan dirundingkan dan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dengan pihak Vietnam.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya perundingan antara Kementerian Luar Vietnam dengan Malaysia, adakah benar bagaimana satu tekanan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga mengatakan satu ketika kelak bahawa Vietnam akan memasuki ASEAN?

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan seperti itu terserahlah kepada negara yang berkenaan itu sendiri menentukannya. Walau bagaimanapun, saya percaya anggota-anggota ASEAN akan membincang dan menimbangakan apabila sampai waktu dan masanya.

## MAKTAB MELAYU—KEPUTUSAN PEPERIKSAAN STP

**12. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab utama kemerosotan keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan tahun 1979 di Maktab Melayu Kuala Kangsar.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab utama kemerosotan ialah lebih dari 50% pelajar Kolej Melayu, Kuala Kangsar yang lulus dalam peperiksaan M.C.E. 1977 dengan baik telah terpilih melanjutkan pelajaran mereka di Seberang Laut. Sebahagian daripada bakinya telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran di institusi pelajaran tinggi tempatan di peringkat diploma dan pra-universiti. Mereka yang tidak layak untuk melanjutkan pelajaran ke Seberang Laut atau institusi pelajaran tinggi tempatan yang disebutkan tadi telah ditawarkan ke Tingkatan VI di Kolej tersebut. Pencapaian murid-murid sederhana ini di dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan 1979 adalah merosot.

## DASAR EKONOMI BARU—KEJAYAAN PELAKSANAAN

**13. Tuan M. Mahalingam** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah pun berjalan selama separuh penggal, apakah kejayaan-kejayaan yang tercapai dan sama ada beliau berpuas hati yang tujuan-tujuan dan objektif-objektif telah menemui kejayaan dan sekiranya tidak, apakah kelemahan-kelemahannya.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat hingga ke tahun 1990. Kerajaan telahpun menghuraikan dengan panjang lebar kemajuan yang telah dicapai dan juga masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentang dan dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini di tahun lalu.

Kerajaan sekarang sedang giat membuat kajian yang mendalam bukan sahaja tentang pencapaian tetapi juga tentang kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Hasil daripada kajian ini akan dikemukakan dalam perancangan Rancangan Malaysia Keempat. Saya berharap Ahli yang Berhormat itu dapat sama-sama menunggu pembentangan Rancangan Malaysia Keempat di Dewan yang mulia ini nanti.

Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan iaitu salah satu perkara penting dalam pencapaian rancangan-rancangan pembangunan negara ialah sikap dan kemahuan serta kemampuan masyarakat itu sendiri. Ini bermakna untuk menjayakan rancangan-rancangan pembangunan negara penglibatan seluruh anggota masyarakat secara positif amatlah diperlukan. Rakyat kita tidaklah seharusnya berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang kita capai setakat ini. Mereka harus berusaha dengan lebih giat lagi dalam semua bidang khususnya dalam usaha-usaha menambahkan lagi pendapatan masing-masing. Untuk menyedarkan rakyat mengenai perkara ini, Kerajaan telah dan sedang mengaturkan berbagai tatarakyat, seminar-seminar dan kursus-kursus di seluruh negara.

#### HOSPITAL KUMPULAN DI LADANG-LADANG

**14. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa keadaan di Hospital-hospital Kumpulan (Group Hospitals) di Ladang-ladang sangat buruk dan jika sedar, bolehkah Kementeriannya mengambil-alih Hospital-hospital ini untuk memberi kemudahan perubatan yang lebih memuaskan.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hospital-hospital kumpulan di ladang-ladang adalah dibina oleh pihak Pengurusan Ladang-ladang ini sendiri, di mana kemudahan-kemudahan yang disediakan di hospital-hospital ini adalah merupakan tanggungjawab mereka sendiri. Oleh kerana kemudahan-kemudahan ini diberikan untuk pekerja-pekerja ladang sejajar dengan peruntukan buruh, maka Jabatan Buruh di negeri yang berkenaan hendaklah diberitahu kiranya kemudahan-kemudahan ini didapati tidak memuaskan.

Soalan mengenai Kementerian Kesihatan mengambil alih hospital-hospital kumpulan ini tidaklah timbul di sini kerana Kementerian telahpun mempunyai rancangan-rancangan pembangunannya sendiri. Walau bagaimanapun, Pegawai-pegawai Kesihatan di Daerah-daerah yang berkenaan bolehlah dipanggil oleh Jabatan Buruh, sekiranya perlu, untuk memberi nasihat mengenai kemudahan-kemudahan di ladang-ladang ini. Walau bagaimanapun, keadaannya, pekerja-pekerja ladang-ladang ini juga boleh menggunakan kemudahan-kemudahan kesihatan Kerajaan yang ada dibina di kawasan masing-masing.

#### PERBINCANGAN MENTERI LUAR VIETNAM MALAYSIA—

**15. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah "Formula Sulit" Malaysia yang dibincangkan dengan Menteri Luar Vietnam Nguyen Co Thach.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada apa-apa "Formula Sulit" yang telah dibincangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar kita dengan Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach, semasa beliau melawat ke Malaysia bulan lepas. Perbincangan Yang Berhormat Menteri Luar mengenai konflik di Kampuchea itu telah berasaskan kepada pendirian kita dan ASEAN yang pernah dibuat dalam Resolusi yang diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu, Kenyataan Bersama ASEAN-EEC mengenai Isu-isu Politik dan Kenyataan Bersama ASEAN mengenai keadaan di Kampuchea. Perbincangan itu berasaskan daya usaha negara kita dan ASEAN untuk mencapai penyelesaian politik yang berkekalan agar Kampuchea kembali sebagai suatu negara yang merdeka, berdaulat dan berkecuali di rantau ini.

#### YAYASAN TUN ABDUL RAZAK

**16. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa salah satu tujuan penubuhan yang asas Yayasan Tun Abdul Razak ialah untuk menganugerahkan "Pingat Tun Abdul Razak" dan hadiah wang tunai kepada mereka yang memainkan peranan penting di rantau Asia dan apakah tujuan atau aktiviti lain Yayasan itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa salah satu tujuan asas penubuhan Yayasan Tun Abdul Razak ialah untuk menganugerahkan Pingat dan hadiah wang tunai kerana ianya hanya merupakan salah satu daripada aktiviti Yayasan ini ke arah mencapai tujuan-tujuan yang sebenar, iaitu:

- (i) Untuk mengekalkan nama baik Allahyarham Tun Abdul Razak;
- (ii) Untuk mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Allahyarham Tun Abdul Razak;
- (iii) Untuk menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kaum dan manusia;
- (iv) Untuk menggalakkan keamanan dan persefahaman di antarabangsa; dan
- (v) Untuk memperbaiki taraf pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Lain-lain aktivitinya ialah pengusahaan ladang koko seluas 2,500 ekar di Tawau yang telah didermakan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Yayasan ini. Yayasan ini juga akan mendirikan sebuah bangunan bertingkat untuk disewakan sebagai ruang pejabat di atas sekeping tanah seluas 68,498 kaki persegi di Jalan Bukit Bintang yang telah didermakan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sabah yang telah menguntukkan kerana Yayasan ini sebuah kawasan ladang koko. Dapatkah Kementerian ini menganjurkan atau merayu, memujuk kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri supaya mengikut langkah atas apa yang dibuat oleh Kerajaan Sabah dalam kegiatan mengisi Tabung yang sangat baik tujuannya yang baru dicakapkan sebentar tadi?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tiap-tiap negeri adalah faham dan sedar bahawa segala sumbangan dalam apa jua bentuk pada Yayasan ini adalah dihargai dan saya percaya mungkin mereka akan mengambil tindakan yang serupa dengan Yayasan Sabah apabila dianggakan sesuai untuk berbuat demikian.

## KEKURANGAN CALUN-CALUN DI MAKTAB PERGURUAN

**17. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekosongan berlaku di Institusi-institusi Latihan Guru pada tiap-tiap tahun oleh kerana sebahagian calon-calon yang berjaya dipilih untuk mengikuti latihan di Institusi-institusi ini tidak menerima tawaran dari Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, jika sedar, berapakah kemampuan penuh di Institusi-institusi Latihan ini dan berapa banyak orang yang dilatih pada tahun 1978 dan 1979.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kekosongan di Maktab-maktab Perguruan berlaku tiap-tiap tahun kerana beberapa sebab-sebab:

- (i) kekurangan calon-calon yang berkecukupan yang sesuai bagi kursus-kursus tertentu.
- (ii) penolakan tawaran oleh calon-calon pengganti pada peringkat-peringkat penggantian yang terakhir.
- (iii) calon-calon yang telah menerima tawaran menarik diri kerana sebab-sebab persendirian pada peringkat terakhir dan tidak sempat dicarikan ganti.
- (iv) calon-calon yang telah melaporkan diri di Maktab-maktab menarik diri kerana menerima tawaran masuk universiti dan tidak sempat untuk dicarikan ganti.

Tawaran kepada calon-calon yang berjaya adalah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran yang menerima senarai calon tersebut daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Suruhanjaya tersebut tidak mengeluarkan tawaran kepada calon-calon yang berjaya.

Kemampuan penuh Institusi-institusi Latihan Perguruan di Semenanjung Malaysia ialah lebih kurang 12,000 orang termasuk peserta kursus-kursus tambahan bagi guru-guru terlatih. Walau bagaimanapun, pengambilan guru-guru pelatih tidak tetap bagi tiap-tiap tahun, kerana bilangan yang diambil

bergantung kepada keperluan. Umpamanya pengambilan guru-guru pelatih bagi tahun 1977 hingga tahun 1980 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan yang diambil		
1977 ... ..	...	...	6,459 orang
1978 ... ..	...	...	6,449 "
1979 ... ..	...	...	5,550 "
1980 ... ..	...	...	5,770 "

Bahagian kedua dalam soal ini ialah guru-guru pelatih yang tamat latihan dan mula mengajar sebagai guru terlatih dalam tahun 1978 dan 1979 ialah seperti berikut:

1978 ... ..	...	...	5,469
1979 ... ..	...	...	5,914

#### JABATAN PERUMAHAN NEGARA DI NEGERI-NEGERI

**19. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan negeri-negeri dalam Malaysia yang ada mempunyai Jabatan Perumahan Negara dan nyatakan tugas-tugas Jabatan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap istilah "Jabatan Perumahan Negara" dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah sebagai negeri yang ada cawangan Jabatan Perumahan Negara yang terletak di bawah Kementerian saya. Jika demikian suka saya memberitahu negeri-negeri yang ada cawangan Jabatan Perumahan Negara ialah Negeri Johor, Perak, Kedah dan Kelantan.

Tugas utama jabatan ini ialah untuk menjalankan program-program perumahan awam kos rendah bagi melengkap dan membantu usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam aspek perumahan, bagi memenuhi keperluan perumahan negara dan memberi bantuan teknikal kepada Kerajaan Negeri yang tidak mempunyai keupayaan penuh untuk mengendalikan pembangunan projek perumahan awam kos rendah dan perkhidmatan ini adalah diberi secara percuma. Di samping itu, ia merupakan penasihat teknikal kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan juga Kerajaan Negeri-negeri dalam lain-lain perkara mengenai perumahan, "Menilai teknikal feasibility and costing" bagi rancangan

perumahan awam kos rendah yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan wang pinjaman. Memberi bantuan dan teknikal apabila kajian-kajian perundingan dijalankan atas aspek berkaitan dengan rancangan perumahan awam kos rendah.

Setakat ini negeri-negeri yang ada menerima perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara untuk melaksanakan rumah awam kos rendah, selain daripada yang mempunyai cawangan di atas ialah Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Trengganu dan Perlis.

#### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

**20. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan kemerosotan dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah sekarang sama ada Kementerian beliau akan menimbang supaya satu atau dua matapelajaran diajarkan dalam Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Inggeris sebagai satu mata-pelajaran.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pelajaran Kebangsaan kita telah menetapkan bahawa Bahasa Inggeris hanya merupakan bahasa yang kedua. Oleh sebab itu Kementerian saya tidaklah berhasrat untuk menjadikannya sebagai bahasa pengantar kepada mana-mana matapelajaran selain daripada matapelajaran Bahasa Inggeris itu sendiri kerana langkah yang demikian adalah bercanggah dengan Dasar Pelajaran. Walau bagaimanapun, Kementerian saya terus menerus mengkaji, serta meneliti keadaan dan seterusnya mengambil langkah untuk meningkatkan lagi darjah pencapaian murid dalam matapelajaran Bahasa Inggeris ini.

#### SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN YANG KEDUA

**21. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah lagi Syarikat Penerbangan untuk memenuhi keperluan penumpang yang kian meningkat dan jika tidak adakah Kerajaan akan membenarkan penubuhan syarikat penerbangan oleh syarikat-syarikat swasta

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum membuat keputusan sama ada perlu atau tidaknya diadakan sebuah lagi syarikat penerbangan kebangsaan selain daripada MAS. Perkara ini masih di dalam kajian. Pada masa ini Kerajaan memang telah ada membenarkan beberapa syarikat penerbangan swasta menjalankan perkhidmatan udara tidak berjadual dalam negeri. Syarikat-syarikat ini ialah Malaysia Air Charter, Wira Kris, Pan Am, Malaysia Air Cargo, Bristow Helicopters, South-East Helicopters, Air Foto, Malaysia Sky Air Services, Hornbill Skyways, Borneo Skyways, Penerbangan Sabah dan Genting Highlands Helicopters.

#### **TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN SEBAGAI PENERUSI MAJLIS PEN- GUNA KAPAL KEBANGSAAN MALAYSIA (MNSC)**

**22. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah dilantik menjadi Pengerusi Majlis Perkapalan Nasional (National Shippers Council), iaitu sebuah badan sektor swasta dan bukan sebahagian dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan adakah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bertindak secara bersendirian atau secara rasmi.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagai Pengerusi Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MNSC) adalah berdasarkan kepada peruntukan di dalam Perlembagaan MNSC bahawa Pengerusinya ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian atau seorang yang dinamakan olehnya. Berasaskan kepada peruntukan ini, Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah melantik Timbalannya sebagai Pengerusi MNSC secara rasmi, bukan persendirian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MNSC ialah sebuah badan yang mengandungi pihak swasta dan Kerajaan khusus untuk memperjuangkan kepentingan pengeksport-pengeksport dan pengguna-pengguna kapal dan pihak swasta telah meminta Kerajaan mengendalikan Majlis ini oleh kerana dengan cara begini Majlis ini dapat diuruskan dan berjalan dengan lebih teratur dan berkesan lagi. Perlantikan Timbalan Menteri telahpun mendapat sokongan dari pihak swasta.

Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah mengambil alih tugas Pengerusi dan Urusetia Persekutuan Majlis Pengguna-pengguna Kapal ASEAN (FASC) selama 2 tahun mulai dari 1hb Jun, 1980, apabila tempoh Pengerusi dan Urusetia yang dipegang oleh Filipina telah tamat. Menteri Perdagangan Filipina adalah Pengerusi Majlis Pengguna-pengguna Kapal Filipina dan juga Pengerusi FASC. Oleh kerana tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh Malaysia semakin bertambah dengan berpindahannya Pengerusi dan Urusetia FASC ke Malaysia, maka perlantikan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagai Pengerusi Majlis ini dan seterusnya Pengerusi FASC adalah untuk memberi taraf dan kedudukan yang sewajarnya kepada MNSC dan FASC.

#### **PELAJAR BUMIPUTRA/BUKAN BUMI- PUTRA DI SEBERANG LAUT**

**23. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra yang sedang belajar di seberang laut serta sebutkan negara-negara yang berkenaan; dan
- (b) bilangan pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra yang sedang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi termasuk kolej-kolej atau Institusi-institusi Pelajaran Bersendirian yang mengeluarkan Diploma-diploma Profesional dalam negeri ini.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelajar-pelajar bumiputra yang sedang belajar di seberang laut ialah seramai 8,407 orang manakala pelajar-pelajar bukan bumiputra pula ialah seramai 32,171 orang. Negara-negara yang terdapat pelajar-pelajar Malaysia ialah Australia, Austria, Bangladesh, Belgium, Canada, Hong Kong, India, Indonesia, Iraq, Jepun, Jerman Barat, Kuwait, Libya, Morocco, The Netherlands, New Zealand, Pakistan, Perancis, Filipina, Republik Arab Mesir, Arab Saudi, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

(b) Bilangan pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra yang sedang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi termasuk kolej-kolej atau institusi-institusi persendirian yang mengeluarkan Diploma-diploma Profesional dalam negeri ini adalah seperti berikut:

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Jumlah</i>
11,425 orang	6,373 orang	17,798 orang

### ALAT-ALAT PEMADAM DALAM KERETA

24. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengadakan satu undang-undang supaya tiap-tiap sebuah kereta dan lori dan bas mesti dilengkapi dengan alat-alat pemadam api di dalamnya untuk menjaga keselamatan pemandu-pemandu dan orang ramai; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang mengadakan undang-undang yang mewajibkan tiap-tiap sebuah kereta dan lori dilengkapi dengan alat-alat pemadam api di dalamnya untuk menjaga keselamatan pemandu-pemandu dan orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sedia ada mewajibkan semua kenderaan perkhidmatan awam (public service vehicles) dilengkapi dengan alat-alat pemadam api. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dan kajian akan dijalankan tentang keperluan untuk melengkapkan alat-alat pemadam api dalam kereta-kereta dan lori-lori.

### RONDAAN DENGAN MOTOSIKAL

25. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan kes-kes jenayah seperti rompakan kedai-kedai emas, pecah rumah, merampas barang-barang kemas dari kaum wanita dan lain-lainnya telah bertambah, sama ada terdapat rancangan untuk menggunakan rondaan motosikal oleh Polis seperti yang dijalankan di Petaling Jaya sekarang untuk lain-lain tempat di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin menjawab bagi pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rondaan dengan menggunakan motosikal untuk mencegah kegiatan-kegiatan jenayah sememangnya sudah ada sejak dahulu lagi terutama di kawasan-kawasan yang sering berlaku kejadian-kejadian jenayah. Pada masa ini pihak Polis sedang berusaha untuk membeli motosikal tambahan bagi mempergiatkan lagi rondaan-rondaan yang menggunakan kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).

### MELOMBONG EMAS

26. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kementerian Perusahaan Utama menyatakan kemajuan yang telah dicapai mengenai penyelidikan dan untuk mencari logam berharga seperti emas di Negeri-negeri Kelantan, Perak, Pahang dan lain-lain jika ada.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Bagi menjawab pertanyaan ini, saya suka memaklumkan bahawa kawasan Bahagian Tengah Banjaran Gunung di Semenanjung Malaysia telah menjadi pusat kegiatan melombong emas (sebelum kedatangan orang-orang Portugis ke Malaya). Pada masa ini emas diperolehi sebagai hasil sampingan operasi perlombongan timah di kawasan-kawasan Bidor, Bentong dan Kuala Lumpur. Bijih tembaga yang dilombong di lombong tembaga Mamut, Sabah juga mempunyai kandungan emas. Emas juga dikeluarkan dari operasi lombong secara kecilan seperti di Raub. Adalah diketahui bahawa di kawasan-kawasan Raub, Selinsing, Chegarperah, Merapoh di Pahang dan Sungai Pergau dan Sungai Sokor dan Uluinya, Pulau dan Gua Musang di Negeri Kelantan ada kehadiran emas.

Dalam hal ini, Vietnam telah menyatakan kesediaannya bagi kepentingan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara, berbincang dengan Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain berasaskan sokongannya kepada Deklarasi Kuala Lumpur berkenaan konsep ZOPFAN. Malaysia dan ASEAN telah menyambut baik sokongan Vietnam ini sebagai membuka pintu untuk terus berdailog, demi kepentingan keamanan dan kestabilan negara-negara di Asia Tenggara ini.

### ROMPAKAN BANK

**29. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Jumlah wang yang telah dirompak dan dilenyapkan dari bank-bank oleh penjenayah dan jumlah bank yang terlibat; dan
- (b) Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurang dan mengelakkan kes-kes jenayah seperti ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1977 jumlah wang yang telah dirompak dan dilenyapkan dari bank-bank oleh penjenayah ialah sebanyak \$534,798.87 dan jumlah bank yang terlibat ialah 6 buah.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurang dan mengelakkan kes-kes jenayah ialah dengan rondaan kenderaan dan bit petrol oleh pihak Polis serta dengan cara menggunakan "Signal System" dari bank ke pejabat-pejabat Polis. Di samping itu, pihak bank juga mengadakan pengawal-pengawal keselamatannya.

### UNIT PENYERTAAN BUMIPUTRA

**30. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menempatkan Unit Penyertaan Bumiputra di tiap-tiap negeri untuk memudahkan perhubungan Bumiputra di negeri-negeri.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan buat masa ini tidak ada cadangan untuk menempatkan Unit Penyertaan Bumiputra di tiap-tiap negeri.

Namun demikian khususnya di Pulau Pinang di mana Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentu sedar, keadaan sosial dan ekonomi Bumiputra adalah lemah, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas pada bulan September, 1975 bagi mengkaji masalah-masalah penyertaan bumiputra dan seterusnya mengusahakan aktiviti-aktiviti seperti rancangan-rancangan perumahan, pembangunan tanah, perdagangan, perusahaan dan projek-projek penambahan pendapatan peniaga-peniaga kecil serta lain-lain lagi bagi meninggi dan memajukan kedudukan mereka di negeri itu.

Sementara itu pula, untuk memesatkan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, Bahagian Penyertaan Bumiputra di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun membuka cawangan-cawangannya di Sarawak pada tahun 1978 dan Johor Bahru serta Kota Bharu dalam tahun 1979. Cawangan di Alor Setar akan dibuka dalam beberapa bulan ini lagi, dan di Kuantan dalam tahun 1981.

Bagi negeri-negeri lain Kementerian tersebut belum ada cadangan untuk membuka cawangan oleh kerana adalah difikirkan bahawa pejabat-pejabat cawangan yang sedia ada, dapat mengendalikan tugas-tugas menggalakkan penyertaan bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian di negeri-negeri/kawasan-kawasan yang berhampiran.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengkaji keadaan ekonomi kaum bumiputra di sesuatu negeri dari masa ke semasa dan jika keadaan memerlukan penubuhan pejabat-pejabat cawangan di negeri-negeri yang lain itu akan ditimbang. Adalah dipercayai tiap-tiap Kerajaan Negeri telahpun mengadakan badan tertentu untuk menggalakkan penyertaan bumiputra khasnya di bidang perdagangan.

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL, JALAN SUNGAI PARI

**31. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Jalan Sungai Pari, Ipoh, yang telah dibina 70 tahun lalu adalah berada dalam keadaan buruk dan jika sedar, nyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah bangunan baru.

**Dato' Chan Siang Sun:** Saya memang sedar bahawa ada beberapa buah sekolah yang keadaannya buruk dan perlu diperbaiki, termasuklah sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Kementerian saya sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan tersebut dengan menggantikannya dengan projek-projek baru, tambahan dan gantian. Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan yang terhad, rancangan-rancangan ini tidak dilaksanakan sekaligus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan gantian bagi sekolah yang dibangkitkan itu akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk pertim-bangan.

### KAPAL SELAM RUSSIA DI SELAT MELAKA

**32. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar kapal-kapal selam Russia ditempatkan di dasar Laut Selat Melaka; jika ya, sama ada bantahan akan dibuat kepada Kerajaan tersebut.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Adalah tidak benar bahawa kapal-kapal selam Russia ditempatkan di dasar laut Selat Melaka. Walau bagaimanapun, kita memang sedar tentang pelayaran yang berterusan dan cepat kapal selam Russia melalui Selat Melaka. Ini adalah hak pelayaran "innocent" (innocent passage) selagi pelayaran tersebut tidak memudaratkan keamanan, kesejahteraan negara atau keselamatan negara-negara berpantai. Kapal-kapal selam, walau bagaimanapun, adalah dikehendaki belayar di permukaan laut dengan menunjukkan bendera mereka.

Meskipun Malaysia mengakui rejim "innocent passage", kita adalah sentiasa mengawasi dengan telitinya kesemua kapal perang dan kapal selam, termasuk yang dipunyai oleh Soviet Union, di Selat Melaka untuk menentukan bahawa kehadiran tersebut adalah hanya untuk tujuan pelayaran yang berterusan dan cepat dan kapal-kapal tersebut tidak bertindak dengan cara yang berlawanan dengan rejim pelayaran "innocent" (innocent passage) serta tidak menjejaskan keselamatan negara.

### HARGA BARANG-BARANG GANTIAN JENTERA

**33. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada:

- (a) beliau bercadang untuk mengawal dan menetapkan harga barang-barang gantian jentera (spare parts); dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa beberapa barang-barang alat gantian buatan tempatan yang telah dicop seperti barangan impot kononnya buatan dari luar negeri.

**Dato Lew Sip Hon:**

- (a) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan pengawalan serta menetapkan harga yang seragam terhadap barang-barang gantian (spare parts) jentera. Ini termasuk barang-barang gantian yang diimport dan juga barang gantian yang dibuat di dalam negeri. Perkara yang dibangkitkan ini sukar untuk dilaksanakan memandangkan barang-barang gantian adalah bermacam jenis dari aspek spesifikasi dan penggunaan dan pengeluar-pengeluar-punya pun adalah berlainan. Dengan yang demikian, pengeluar-pengeluar mempunyai struktur kos yang berbeza-beza dan ini menyebabkan harga kepada pengguna juga adalah berbeza-beza dari satu jenama kepada satu jenama yang lain. Dalam keadaan ini sukar bagi Kerajaan untuk membuat dasar penyeragaman harga barang-barang gantian tersebut. Walau bagaimanapun, dalam rancangan "Mandatory CKD Deletion" Kerajaan mengamalkan dasar untuk membuat pengawalan harga komponen-komponen yang telah diiktirafkan sebagai komponen-komponen "Original Equipment" (OE) untuk dibekalkan ke kilang-kilang pemasangan tempatan. Umpamanya, pada masa sekarang komponen-komponen O.E. dalam mana Kerajaan membuat kawalan harga ialah "safety glass" dan tali pinggang keledar. Kerajaan juga sedang membuat pertimbangan untuk membuat pengawalan

harga ke atas komponen-komponen yang telah diiktirafkan sebagai komponen O.E. iaitu "Exhaust System, Leaf springs, tayar dan bateri".

- (b) Berkenaan peniruan barang-barang ganti pula, saya sedar bahawa adalah didapati sebilangan kecil sahaja barang-barang gantian buatan tempatan yang dicop sebagai barangan import buatan luar negeri tetapi barang-barang tersebut dikeluarkan oleh perusahaan-perusahaan "backyard" sahaja. Kementerian saya sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan tersebut dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang membuat barang-barang tiruan itu.

#### KERETAPI EKSPRES DARI KUALA LUMPUR/ALOR SETAR/PERLIS

**34. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementeriaannya bercadang supaya diadakan Keretapi Ekspres dari Kuala Lumpur terus ke Alor Setar dan Perlis; jika ya, nyatakan bila dan jika tidak, mengapa.

**Dato Lee San Choon:** Keretapi Tanah Melayu tidak bercadang untuk mengadakan Keretapi Ekspres dari Kuala Lumpur terus ke Alor Setar dan Perlis memandangkan bilangan penumpang-penumpang yang membuat perjalanan terus menerus ke destinasi-destinasi tersebut pada masa ini adalah kecil; tidak wajar (justify) dan tidak viable bagi K.T.M. menyediakan Keretapi Ekspres terus menerus ke tempat-tempat ini.

Walau bagaimanapun, Pentadbiran Keretapi ada menjalankan terin Ekspres Khas terus Kuala Lumpur/Alor Setar/Kuala Lumpur pada musim-musim cuti sekolah dan perayaan-perayaan besar di mana bilangan penumpang-penumpang yang hendak membuat perjalanan ke destinasi tersebut bertambah ramai.

#### HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR— RAWATAN

**35. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini seorang doktor yang pernah menjadi Yang di-Pertua Majlis

Perubatan Malaysia telah mengkritik bahawa Hospital Besar, Kuala Lumpur adalah terlampau besar dan tidak sesuai untuk memberi rawatan yang mencukupi kepada rakyat, jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil atas perkara ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Majlis Perubatan Malaysia yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah ditubuhkan di bawah Akta Perubatan, 1971. Yang di-Pertuanya ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia. Setahu saya tidak ada seorang bekas Yang di-Pertua Majlis ini ataupun bekas Ketua Pengarah Kesihatan, yang pernah membuat apa-apa kritikan baru-baru ini mengenai Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Hospital yang mengandungi kira-kira sebanyak 2,300 buah katil ini memanglah merupakan salah sebuah daripada hospital-hospital yang terbesar di rantau ini. Walau bagaimanapun, haruslah ditegaskan di sini bahawa ianya adalah dibahagi-bahagikan kepada wad-wad am, Institusi-institusi pengkhususan dan unit-unit. Besarnya sahaja tidaklah mesti menjadi ukuran bahawa ianya tidak cekap. Sebagai sebuah hospital rujukan kebangsaan, hospital ini memberikan perkhidmatan kepakaran dengan alat-alat yang moden. Bilangan pesakit-pesakit wad dan pesakit-pesakit luar yang dirawat di Hospital Besar ini telah pun bertambah tahun demi tahun. Pada tahun 1979 sahaja, Hospital ini merawat 88,000 orang pesakit wad dan 803,000 pesakit luar. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan untuk sebilangan besar pesakit-pesakit ini tidak mungkin dapat dilakukan sekiranya Hospital ini tidak cekap sebagaimana yang ditegur.

#### BEKAS PERAJURIT—BILANGAN

**36. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan bekas-bekas perajurit dari Tentera Darat, Laut dan Udara yang telah mendapat pekerjaan sama ada dengan Kerajaan atau Swasta dan yang telah diberi tanah.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Sehingga akhir tahun 1979, sejumlah 13,292 bekas-bekas perajurit telah mendaftar meminta perkerjaan melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit.

Dari jumlah ini, seramai 5,516 orang telah berjaya mendapat pekerjaan dengan Kerajaan dan seramai 1,314 orang lagi telah bekerja dengan pihak swasta. Walau bagaimanapun, kemungkinan bilangan yang telah berjaya mendapat pekerjaan adalah lebih dari angka-angka yang dinyatakan tadi oleh kerana tidak semua bekas-bekas perajurit akan memaklumkan kejayaan mereka ke Kementerian ini walau pun susulan-susulan untuk mendapatkan perangkaan-perangkaan yang lengkap dan kemaskini ada dibuat dengan bekas-bekas perajurit. Begitu juga, bilangan bekas-bekas perajurit yang telah berjaya mendapat pekerjaan menurut pecahan perkhidmatan tentera seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat diberikan oleh kerana rekod-rekod yang menunjukkan seseorang bekas perajurit itu dari anggota Tentera Darat, Laut atau Udara jarang dicatitkan oleh majikan-majikan yang menerima mereka bekerja.

Mengenai dengan bilangan yang telah diberikan tanah, setakat ini dari perangkaan yang dapat dikumpulkan dari rancangan-rancangan tanah FELDA, sehingga akhir tahun 1979, seramai 4,569 orang bekas perajurit telahpun diterima menjadi peneroka kepada rancangan tanah tersebut. Bilangan yang mendapat tanah untuk rumah dari Kerajaan negeri sukarlah hendak diketahui, kerana rekod mengenainya tidak menyata perbezaan di antara pemohon biasa dan pemohon dari bekas A.T.M.

#### **HAJI DARWIS—SALAH PENGESAHAN ANAK**

**37. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar seperti yang didakwa oleh seorang bapa bernama Haji Duris baru-baru ini bahawa pihak polis telah cuai memberitahu beliau tentang penahanan anaknya yang menyebabkan beliau telah membelanjakan wang sebanyak \$400.00 untuk pengkebumian mayat anaknya yang dijumpai mati pada hal anaknya itu tidak mati.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama orang yang berkenaan itu ialah Haji Darwis dan bukannya Haji Duris.

Dalam kes ini kekecohan timbul apabila kekeliruan telah dilakukan oleh Haji Darwis sendiri yang tidak meneliti dengan halusnyanya akan mayat si mati itu di rumah mayat Hospital Kajang di mana beliau dengan tergesa-gesa mengesahkan bahawa mayat tersebut adalah mayat anaknya.

Apabila urusan mengambil mayat oleh Haji Darwis bersama empat orang anaknya dilakukan, keempat-empat orang anaknya memastikan bahawa mayat tersebut bukanlah mayat anaknya sedangkan, persiapan pengkebumian telah pun dibuat. Oleh yang demikian, dakwaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan pihak polis telah cuai adalah tidak benar.

#### **PEMBINAAN REAKTOR NUKLEAR— PENGAMBILAN PAKAR PERUNDING ASING**

**38. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mendapatkan pakar-pakar perunding dari negara-negara asing untuk pembinaan sebuah Reaktor Nuklear untuk menambah bekalan tenaga letrik dalam negeri ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengarahkan LLN untuk memajukan perhatian ke arah penggunaan sumber-sumber tenaga utama tempatan seperti gas asli dan hidro di dalam rancangan penjaan kuasa letrik sehingga tahun 2000.

Keputusan di atas adalah dibuat untuk mengurangkan pergantungan ke atas sumber tenaga yang diimport daripada negara-negara luar. Harga minyak yang kian meningkat membuktikan kepada kita bahawa pergantungan yang berlebihan kepada sumber-sumber tenaga yang diimport akan mendatangkan kesan-kesan yang buruk terhadap ekonomi negara, terutama di dalam keadaan kekurangan bekalan.

Di dalam konteks ini, bertambahlah terang dan nyata bahawa negara kita perlu memberi perhatian yang lebih untuk memajukan penggunaan sumber-sumber tenaga tempatan seperti gas asli dan sebagainya. Oleh yang demikian, cadangan untuk mendapatkan

pakar-pakar perunding dari negara-negara asing untuk pembinaan sebuah reaktor nuklear untuk menambah bekalan tenaga letrik dalam negeri ini tidaklah timbul.

## TUGAS UNIT PERANCANG EKONOMI

**39. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri ditugaskan untuk merancang strategi-strategi ekonomi bagi bumiputra, selain dari tugas utamanya merancang ekonomi negara.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, tugas utama Unit Perancang Ekonomi ialah bagi merancang ekonomi negara. Semenjak tahun 1970, semua perancangan yang dibuat telah berasaskan kepada garis-garis panduan Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian, strategi perancangan pembangunan ekonomi negara termasuklah proses merangka program-program untuk memberi lebih peluang pelajaran, pekerjaan dan pemilikan harta kepada bumiputra dan juga untuk mewujudkan satu masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputra. Ini tidaklah pula bermakna perancangan yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi hanya untuk bumiputra sahaja kerana Dasar Ekonomi Baru ialah untuk semua kaum. Perancangan untuk membaiki kedudukan ekonomi bumiputra merupakan salah satu dari tugas-tugasnya dalam merancang ekonomi negara. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan lagi jurang perbezaan antara yang berada dengan yang kurang bernasib baik di negara ini.

## KOMPLEKS IPOH—PEMBINAAN

**40. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab pembinaan Kompleks IPOH usaha MARA UDA Sdn. Bhd., tergendala sejak beberapa bulan yang lalu dan nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menjaga kepentingan Syarikat MARA UDA Sdn. Bhd., dan pembeli-pembeli kedai-kedai di Kompleks ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Kompleks IPOH pada mulanya adalah projek usaha sama antara

MARA UDA. Sekarang ini projek ini telah diambil sepenuhnya oleh UDA. Pembinaan projek ini telah tergendala oleh kerana pemborong projek tersebut tidak dapat menyiapkan kerja-kerja seperti yang dijadualkan. Tindakan telahpun diambil bagi menamatkan kontrak tersebut dan pembinaan kompleks itu akan dikendalikan oleh sebuah kontraktor yang baru. Kepentingan pembeli ruang-ruang di kompleks tersebut tidaklah terjejas dengan kelewatan pembinaan kompleks tersebut.

## HASIL PERTANIAN—PEMASARAN

**41. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebanyak 5,000 kg. buah di Cameron Highlands telah dibuang begitu sahaja akibat harga pasaran murah. Jika ia, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan bagi menjamin pasaran dari hasil mahsul kaum petani di seluruh negara.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Ya, saya sedar, FAMA telahpun membantu membeli hasil-hasil tomato semasa kejadian tersebut berlaku. Bagi memastikan hasil-hasil petani dapat dipasarkan, Kementerian Pertanian melalui FAMA sedang melaksanakan program-program kemudahan dan infrastruktur pemasaran bagi pengedaran hasil-hasil pertanian yang mudah rosak dengan lebih cekap seperti tomato. Program ini juga mengadakan peluang-peluang pasaran bagi hasil-hasil petani dengan harga yang berpatutan. Di antara kemudahan-kemudahan dan infrastruktur pemasaran yang sedang disediakan ialah 24 buah bilik-bilik sejuk di beberapa kawasan bagi membantu menstabilkan harga dengan menyimpan lebihan keluaran untuk dijual semula dengan cara teratur dan sedikit demi sedikit. Kemudahan pengangkutan untuk menghantar hasil-hasil pertanian dengan cepat dari kawasan-kawasan pengeluaran lebihan ke kawasan-kawasan pasaran akan juga disediakan.

## LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN TUN ABDUL RAZAK

**42. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) badan atau Lembaga Amanah manakah yang sedang mengelolakan Yayasan Tun Abdul Razak; dan

(b) jumlah wang yang terkumpul sejak penubuhannya.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):**

(a) Yayasan Tun Abdul Razak adalah di-kelolakan oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah bernama Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak yang telah ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Yayasan Tun Abdul Razak 1976.

(b) Jumlah wang yang terkumpul sehingga 31hb Mei, 1980 ialah \$5,073,145.83.

### **RAWATAN PAKAR PERUBATAN DI HOSPITAL MALAYSIA**

**43. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini seorang doktor yang pernah menjadi Yang di-Pertua Majlis Perubatan Malaysia telah menyatakan bahawa rakyat Malaysia tidak akan dapat rawatan pakar yang baik dan terpaksa pergi ke luar negeri kerana Malaysia kekurangan doktor pakar serta alat-alat yang berkenaan; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil atas perkara ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia, ialah Yang di-Pertua Majlis Perubatan Malaysia yang telah ditubuhkan di bawah Akta Perubatan, 1971. Sejauh mana yang saya ketahui, tidak ada seorang bekas Yang di-Pertua Majlis inipun yang pernah mengkritik perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kita di negara ini sebagai tidak berkesan, seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Di samping itu, adalah diakui bahawa kekurangan doktor-doktor dan doktor-doktor pakar memanglah terdapat di negara ini sekarang. Keadaan ini akan hanya dapat diperbaiki apabila lebih ramai pegawai-pegawai professional ini dilatih dan memperolehi pengalaman-pengalaman. Hospital-hospital Kerajaan juga adalah sedang dipermodenkan dari masa ke semasa, sama ada dengan mengganti ataupun menambahkan lagi kemudahan-kemudahan baru dan moden. Hanya beberapa jenis kes-kes sahaja, khususnya seperti pembedahan "jantung terbuka" (open heart) "cardiac arterial" dan "facial reconstructive" yang memerlukan rawatan

pakar di luar negeri. Matlamat perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kita ialah untuk terus memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan ini dari masa ke semasa dan ini adalah jelas dapat kita lihat di dalam projek-projek dan program-program kita di dalam rancangan-rancangan pembangunan kita yang berturut-turut.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979 DAN 1980)**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

*3.40 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1979 sebanyak \$598,138,495 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1980 sebanyak \$126,847,496. Kedua-dua Anggaran Tambahan ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut Perkara 101 Perlembagaan.

Terlebih dahulu, saya bercadang hendak mengemukakan Anggaran Tambahan Kedua, 1979. Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$598,138,495 bagi perkhidmatan tahun 1979, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Asal, 1979 dan Tambahan Pertama, 1979.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1979 adalah berjumlah \$619,682,705 tetapi hanya sebanyak \$598,138,495 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$21,544,210 dari peruntukan tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu.

Sebahagian besar daripada tambahan ini iaitu sebanyak \$550 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 33 Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun bagi menambah peruntukan Kumpulanwang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Lain-lain tambahan yang besar adalah dikehendaki di bawah Maksud-maksud berikut:

*Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya:* \$1.4 juta.

Peruntukan ini adalah dikehendaki bagi menyelenggarakan Pilihanraya Umum Peringkat Negeri di Sarawak, membayar tunggakan gaji serta bayaran Kumpulanwang Simpanan Pekerja kepada kakitangan sementara;

*Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri:* \$4.8 juta.

Peruntukan ini diperlukan untuk menampung perbelanjaan mengurus bagi beberapa Bahagian dan Cawangan di bawah Jabatan Perdana Menteri;

*Maksud B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam:* \$4.7 juta.

Peruntukan ini diperlukan bagi membayar elaun gantian cuti rehat, menampung kenaikan kos yuran pengajian bagi penuntut-penuntut Malaysia di United Kingdom, membayar sewaan ruang pejabat dan lain-lain perbelanjaan mengurus;

*Maksud B. 14—Perangkaan:* \$5.8 juta.

Peruntukan ini diperlukan bagi perbelanjaan persediaan untuk pelancaran Banci Penduduk dan Perumahan yang bermula dalam bulan Mei, 1980;

*Maksud B. 15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan:* \$2.1 juta.

Peruntukan ini diperlukan bagi membayar carum bantuan cukai harta-harta Kerajaan Persekutuan di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan dan lain-lain perbelanjaan mengurus;

*Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan:* \$20 juta.

Peruntukan ini diperlukan sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan mengurus dan beberapa buah projek pembangunan;

*Maksud B. 38—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:* \$1.5 juta.

Peruntukan ini diperlukan bagi menambah Tabung Wang Perkhidmatan Rahsia;

*Maksud B. 43—Penjara:* \$1.2 juta.

Peruntukan ini diperlukan untuk menampung perbelanjaan menguruskan penjara-penjara dan tempat-tempat tahanan;

*Maksud B. 64—Kementerian Kebajikan Am:* \$3.8 juta.

Peruntukan ini diperlukan sebagai pemberian sementara kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak mengikut Perkara 161 C Perlembagaan untuk tujuan kebajikan bagi tempoh 1972 hingga 1975.

Tambahan-tambahan peruntukan yang lain adalah merupakan tambahan kecil sahaja untuk menambah peruntukan mengurus bagi berbagai perkhidmatan untuk meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran Kerajaan. Keterangan lanjut mengenai tambahan ini adalah seperti yang dihuraikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 tahun 1980.

Dengan tambahan sebanyak \$598,138,495 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1979 ialah \$8,499,549,167. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,027,751,005 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1979 ialah \$10,527,300,172.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1980. Tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah berjumlah \$126,847,496 yang telah didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Sebenarnya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1980 adalah berjumlah \$272,208,456 tetapi sebanyak \$126,847,496 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$145,360,960 dari jumlah tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Sebahagian besar daripada tambahan Perbelanjaan Bekalan iaitu \$52.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 36—Kementerian Perusahaan Awam—sebagai subsidi Kerajaan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk melaksanakan skim bantuan harga padi kepada pesawah-pesawah. Lain-lain tambahan yang besar yang dikehendaki adalah dikehendaki di bawah Maksud-maksud berikut:

*Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya:* \$1.5 juta.

Peruntukan ini adalah diperlukan untuk melaksanakan Pendaftaran Pilihanraya secara "Integrated Registration System".

*Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri:* \$29.6 juta.

Dari jumlah \$29.6 juta yang dikehendaki, sebanyak \$18.3 juta adalah untuk perbelanjaan menyediakan kemudahan/keperluan asas dan memberi bantuan modal kepada peniaga-peniaga kecil manakala sejumlah besar dari bakinya iaitu sebanyak \$7.445 juta adalah bagi perbelanjaan membeli pinggan mangkuk untuk Istana Negara, Parlimen dan Yang Berhormat Menteri-menteri serta pemberian bintang-bintang dan pingat-pingat.

*Maksud B. 31—Perbendaharaan:* \$1.4 juta.

Peruntukan ini dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan membeli perabut-perabut dan alat-alat kelengkapan pejabat-pejabat cawangan Akauntan-Negara dan untuk lain-lain perbelanjaan mengurus;

*Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan:* \$31.3 juta.

Dari jumlah ini sebanyak \$18.4 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan negeri untuk menampung perbelanjaan pembangunannya manakala selainnya sebanyak \$12.9 juta adalah untuk perbelanjaan bayaran balik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan berikutan dengan pengambilan alih Perkhidmatan Bomba oleh Kerajaan Persekutuan;

*Maksud B. 47—Jabatan Penerangan:* \$1.6 juta.

Peruntukan ini adalah diperlukan bagi perkhidmatan Sivik dan Pentarama yang bertujuan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha menerangkan kepada rakyat tentang dasar-dasar Kerajaan;

*Maksud B. 51—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat:* \$1.8 juta.

Peruntukan ini diperlukan untuk membayar kos peralatan komputer dan perbelanjaan bagi lain-lain perkhidmatan;

*Maksud B. 66—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah:* \$5 juta.

Peruntukan ini diperlukan untuk membiayai penubuhan sebuah unit khas untuk menyelenggarakan beban tunggakan kerja di Jabatan Ukur dan perbelanjaan bagi lain-lain perkhidmatan.

Yang lainnya adalah merupakan tambahan kecil sahaja untuk pelbagai perkhidmatan. Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini ada dijelaskan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1980.

Dengan tambahan sebanyak \$126,847,496 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1980 ialah \$8,862,061,416. Jika dimasukkan anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,277,932,980 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1980 ialah \$11,139,994,396.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahas, saya suka mengingatkan menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 35 (1):

"35 (1) Seseorang Ahli Yang Berhormat hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu".

Perkara-perkara yang ditetapkan dalam bidang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) adalah seperti terkandung di dalam Kertas Perintah 19, 20, 21 dan 22 dan hujjah-hujjah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dihadkan kepada perkara-perkara yang tersebut sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.51 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan Anggaran Tambahan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Walaupun kami meraba-raba atas apa-apa yang kami hendak rujukkan perbincangan ini kerana Kertas Perintah itu baru kami terima.

Yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya rujukkan atas Kertas Perintah 22 berhubung dengan Maksud B. 47—Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan ini saya menganggap bahawa satu jabatan yang baik untuk memberikan kesedaran; ada minta peruntukan sebanyak \$1,630,000 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Kertas Perintah ini, dengan tujuan memberikan penerangan kepada rakyat atas dasar-dasar Kerajaan mengenai hal ehwal ekonomi, keselamatan dan sebagainya. Di samping itu memberikan hiburan pula kepada masyarakat di luar bandar.

Saya cuma hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini membuat satu khidmat yang baik, hendak memberikan hiburan yang ada kaitan dengan keselamatan dalam negeri tetapi hendaknya jangan ada dibuat hiburan itu pada malam Jumaat. Tolong hormatkan malam hari ugama rasmi sebab bila hendak membuat hiburan pada malam Jumaat, yang dianjurkan oleh Kerajaan sebahagian besar orang-orang Islam itu tidak

dapat mengerjakan amalan-amalan sunat itu, habis pergi ke tempat hiburan. Ini bercanggah dengan dasar konsep kita, hendak menanamkan ke-Islaman kepada rakyat dalam negeri ini. Saya tidak memandangkan masalah ini satu masalah ugama, ataupun masalah perkauman tetapi biasanya Jabatan Penerangan ini memberikan penerangan ke luar-luar bandar khasnya penduduk-penduduk itu orang-orang Islam. Jadi itu satu perkara yang saya minta kalau boleh dielakkan. Mengadakan hiburan ini jangan diadakan pada malam Jumaat, sebab malam yang dimuliakan oleh ugama Islam pada malam itu.

Yang kedua, dalam masalah memberi penerangan kepada orang ramai dalam bidang keselamatan dan juga dalam bidang ekonomi saya mengharapkan pegawai-pegawai dalam Jabatan Penerangan itu jangan hendaklah menghentam terus mati-matian dakwah yang dilancarkan dalam negara ini, Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tahu dakwah Islam itu satu penyebaran yang dibawa oleh ahli-ahli dakwah sama ada oleh pihak Kerajaan atau dari pihak awam dengan tujuan yang baik hendak menyedarkan umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam dan mendalamkan hukum-hukum Islam. Tetapi Jabatan Penerangan ini jangan hendaklah menghentam pegawai-pegawai dakwah itu dengan teruk. Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kkuatir bahawa orang-orang Islam akan liar dengan Jabatan Kerajaan, akan liar dengan Jabatan Penerangan ini. Walaupun dakwah itu kita katakan dari ABIM, dari PAS; kepada mereka yang menjalankan dakwah-dakwah itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada parti. Dia benar-benar menjalankan dasar Quran dan Hadith. Tetapi Jabatan Penerangan curiga dan takut akan orang dakwah. Mereka lebih suka umat-umat Islam itu akan meninggalkan ajaran-ajaran yang dikehendaki oleh Quran dan Hadith. Ini dua pandangan yang saya minta Kementerian Penerangan ini jangan hendaknya dilakukan.

Pertama, jangan diadakan hiburan pada malam Jumaat.

Kedua, jangan hentam terus menerus bila bercakap Pegawai-pegawai Penerangan ini dari segenap lapisan daripada Kementerian hingga jabatan-jabatan daerah, menghentam ahli-ahli dakwah yang sedang diterima oleh masyarakat Islam dalam negeri ini. Sebab

umat Islam dalam negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu dipupuk dengan ajaran Islam yang sebenar selepas kita merdeka. Itu pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian ini.

Yang ketiga, sangat baik pada memberi penerangan di TV kita itu ada azan. Tetapi dia masih sayang hendak menunjukkan waktu menghrib, waktu Isyak itu dalam tulisan jawi, tulisan Quran. Kenapa? Kenapa begini lokeknya? Apa salahnya pada waktu Maghrib ditulis dengan tulisan jawi? Walhal Kerajaan telah menggalakkan tulisan jawi ini supaya digunakan di Jabatan-jabatan Kerajaan dalam negeri ini tetapi Jabatan Penerangan dalam bidang TV kerana mengajak orang-orang Islam sembahyang, bang waktu Maghrib dan Isyak itu sangat lokek hendak menulis tulisan jawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap Maksud B. 38—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri—ada meminta peruntukan sebagaimana ada di dalam Kertas Perintah 22 Tahun 1980 ini dan meminta diluluskan perbelanjaan yang telah dibelanjakan dengan tujuan:

“Tambahan sebanyak \$140,000 adalah dikehendaki di bawah aktiviti Keselamatan Sempadan Songkhla, Thailand dengan memperbaiki dan melengkapkannya dengan perkakas-perkakas pejabat dan juga baki perbelanjaan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Sosio-Ekonomi Sempadan Malaysia/Thailand yang telah diadakan di Pejabat tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang dibuat oleh Kementerian sangat baik. Jadi peruntukan ini bagi pihak Dewan ini memang memberikan sokongan. Dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan ketbetulan telah melawat sempadan Thailand telah menyatakan bahawa dengan baiknya perjalanan pentadbiran pasukan keselamatan di kawasan sempadan maka penyeludupan ini adalah berkurangan.

Saya dengar dalam masalah sosio-ekonomi ini juga Kerajaan akan membuat pembangunan di kawasan sempadan ini. Ini satu perkara yang sangat kita harapkan bahawa dengan adanya kawasan ini dibangunkan sempadan-sempadan Thailand sama ada Negeri Perlis, Kedah dan Kelantan maka satu usaha yang sangat baik bukan sahaja kita

dapat meninggikan taraf hidup atau menyahut Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tetapi dengan secara tidak langsung kita dapat menyekat kemaraan komunis di kawasan sempadan itu. Usaha yang macam ini sangat baik dan kita harap juga Kerajaan Thailand jiran kita, akan benar-benar dapat melaksanakan dasar-dasar yang dikehendaki, yang dipersetujukan di dalam mesyuarat itu.

Ada kalanya yang menjadi sungutan Kerajaan Malaysia ini, kita telah putus dalam mesyuarat antara dua buah Kerajaan tetapi bila mana hendak melaksanakan kadangkala Kerajaan Thailand sangat berat hendak melakukan. Jadi, kalau keadaan ini kita dapati maka segala usaha baik yang kita hendak buat dalam masalah pembangunan, dalam masalah mengawal keselamatan dalam negeri ini kita tidak akan dapat ditumpukan. Yang menjadi mangsanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah rakyat yang bersempadan terdiri dari kawasan ini terutama sekali di Selatan Thailand yang menjadi mangsa kebanyakan ialah orang-orang Thailand yang keturunan Melayu yang banyak menjadi mangsa, huru hara dan diancam oleh komunis. Tetapi dengan adanya kita menggunakan kuatkuasa keputusan mesyuarat itu, insya Allah saya yakin cara hidup umat di kawasan itu akan dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih dalam Maksud B. 36—Kementerian Perusahaan Awam. Tambahan sebanyak \$52,603,600 adalah dikehendaki sebagai subsidi Kerajaan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk melaksanakan skim bantuan harga padi kepada pesawah-pesawah. Peruntukan ini memanglah telah diberikan kepada penanam-penanam padi kita tetapi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ini kena mengkaji semula pentadbirannya dan saya berpuas hati sejak akhir-akhir ini bagi pihak LPN cuba hendak mengkaji semula pentadbiran berhubung dengan padi dan beras kerana selama ini sungutan yang datangkan oleh petani atau penanam padi di kawasan ini kepada LPN, LPN hanya memberikan layanan yang begitu singkat tetapi faedahnya diperolehi oleh orang-orang tengah. Jadi, keadaan ini saya percaya dengan adanya Kementerian yang baharu ini, Kementerian yang benar-benar hendak menjadikan LPN ini berguna kepada penanam-penanam padi kita akan dapat menikmati, kita akan dapat pandang, satu-satu ketika kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri—satu peruntukan yang diberikan oleh jabatan ini; tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita memberikan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil. Bantuan yang disediakan oleh Kerajaan ini memang benar-benar menjadikan satu nafas dan nyawa kepada peniaga-peniaga kecil kita tetapi Kerajaan sedia memerhatikan peniaga-peniaga kecil bantuan yang kita akan sampaikan itu biar benar-benar kepada orang yang berniaga, ahli peniaga kecil, kita tidak mahu mendengar sungutan rakyat bahawa peruntukan kepada peniaga kecil ini diberikan kepada orang-orang yang tertentu, orang yang benar-benar berniaga kecil itu kita dapat, yang dapat peruntukan itu ialah keluarga-keluarga jabatan yang menguruskan ini. Ini kena kita siasat dan kajikan balik supaya rancangan itu dapat dinikmati oleh peniaga kecil. Dan peniaga kecil inilah sebagai asas Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perniagaan yang menyeluruh di tanah-air kita ini dapat diterima dan diamalkan oleh peniaga kecil khususnya bumiputra.

Yang kedua dalam masalah mendirikan gerai-gerai. Gerai ini juga hendaklah secocok dengan tempat yang sesuai boleh berniaga, jangan didirikan gerai-gerai ini kepada tempat yang tidak sesuai kepada perniagaan sebab pelanggan-pelanggan tidak akan dapat pada tempat itu. Bila pelanggan tidak ada, gerai kita buat, kita bagi kepada peniaga kecil, kutipan bulanan kita minta dengan mereka, keadaan yang macam ini merunsingkan mereka dan gerai ini akan tinggal. Kerajaan kena menyemak dan menyiasat balik berapa banyak gerai-gerai yang telah didirikan terbengkalai tidak diisi oleh peniaga-peniaga kecil ini dengan sebab bila mana hendak mendirikan gerai ini dibuat kajian yang menyeluruh, dan tidak mahu mendengar pandangan-pandangan daripada peniaga kecil, menganggap bahawa fikiran peniaga kecil itu tidak secocok dengan pegawai-pegawai yang hendak mentadbirkan kawasan itu. Jadi, masalah ini kita tolong hargai persatuan peniaga kecil, pandangan ahli-ahli peniaga kecil di tempat itu supaya rancangan ini benar-benar dinikmati oleh mereka. Banyak tempat yang saya sudah pergi, gerai-gerai itu terbengkalai ditumpangi oleh kambing, ditumpangi oleh orang-orang yang menghisap dadah sebab tidak ada orang berniaga.

Yang ketiganya, dalam masalah mengambil balik sewaan itu jangan diberatkan sangat kepada mereka. Kepada orang-orang perniagaan dari luar negeri kita beri dia dasar kelonggaran, ada yang tidak kena cukai beberapa tahun tetapi kepada bumiputra ini, awak masuk di sini kena bayar \$30.00, \$40.00. Kita bukan tidak boleh menuntut bayaran, kita beri dia tempoh, kamu berniaga tiga bulan lepas itu kita minta bayaran dan pembayaran yang dikenakan kepada mereka itu patut diberikan pertimbangan dengan jualan perniagaannya.

Di setengah-setengah tempat, Tuan Yang di-Pertua, saya jumpa, saya tidak katakan yang saya ini Senator dan tidak katakan saya ini Datuk. Saya kata: Kakak berniaga di sini berapa sewanya? Jawabnya? Sewanya \$60.00. \$60.00 ini saya hendak bayar tiap-tiap bulan tidak cukup. Saya sudah pernah merayu, Kerajaan kata tidak boleh kurang. Tetapi kalau semua peniaga di tempat itu minta kurang kita kurangkan, kita lanjutkan masa dia berhutang itu lebih, apa salahnya, kalau benar-benar peruntukan daripada Jabatan ini hendak menolong peniaga-peniaga kecil kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat inilah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

4.08 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi, iaitu Bil ini baharu sahaja dapat diletakkan di atas meja dengan sebab itu kami tidak dapat membahaskan lebih panjang oleh kerana Kertas Perintah 22 Tahun 1980 ini baharu ada di hadapan meja, tidak dihantar ke rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak membahaskan sedikit sebanyak berkenaan dengan Kertas Perintah 22 Tahun 1980 ini, Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri. Di sini tambahan sebanyak \$1,133,000 adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan aktiviti geraksaraf yang tidak dipindahkan pentadbirannya daripada Kementerian Penerangan kepada Jabatan Perdana Menteri di bawah aktiviti Majlis Keselamatan Negara mulai tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, geraksaraf adalah satu perkara yang penting dalam negeri ini terutama sekali di Malaysia ini di mana kita adalah menentang fahaman komunis. Kalau dikatakan geraksaraf (psychological warfare) dan ini adalah lebih tajam daripada senjata kerana ini bukannya memerangi dengan senapan, dengan meriam tetapi adalah memerangi otak rakyat, supaya rakyat memikirkan betul atau tidak iaitu dakyah-dakyah komunis ini, baikpun komunis di dalam hutan ataupun komunis yang ada di kalangan kita, di dalam gerakan-gerakan student dalam negeri ini ataupun di dalam parti-parti politik, di dalam labour union dan lain-lain badan-badan yang mana diserapi oleh fahaman-fahaman komunis. Ini penting oleh kerana komunis adalah memang pandai memasuki di dalam kalangan-kalangan ini datang menyerap dirinya memberi dakyah-dakyah yang palsu supaya dapat menawan negeri ini bukan dengan senjata, tetapi dengan cara pemikiran yang sangat tajam yang boleh kita dapati perkara ini juga benar, dengan sebab itulah pena adalah lebih tajam daripada senjata. Ini terpaksalah kita menyerang mereka. Jadi sudah tepatlah ini dipindahkan daripada Kementerian Penerangan kepada Jabatan Perdana Menteri oleh kerana di sini-lah dapat ditumpukan segala minat untuk memerangi musuh kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bersama iaitu bagaimana Afghanistan telah dapat ditawan oleh komunis, bukan dengan senjata, bukan dengan peperangan, tetapi dengan serapan mereka ini maka telah dapat mereka ini pegang betul-betul daripada pusat. Orang-orang Islam di Afghanistan 100% Islam yang percaya wujudnya Tuhan, yang berkitabkan Quran, tetapi dengan tidak tahu orang-orang Afghanistan, tiba-tiba Afghanistan telah menjadi negara komunis. Perkara ini adalah penting bagi negara kita oleh kerana kita sudah mengalami perkara ini, nyaris-nyaris lagi kita dapat ditawan oleh mereka dengan secara senyap-senyap, sampai kita dapat tawan mereka ini, mujur Tuhan masih lagi di sebelah kita, ini memang baik. Saya harap di dalam perkara ini maka Jabatan Perdana Menteri mengambil alih daripada Jabatan Penerangan oleh kerana Jabatan Penerangan tidak begitu kuat untuk memberi penerangan-penerangan yang jelas kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam, Maksud B. 36, di sini dikehendaki peruntukan tambahan \$52,603,600.

Kalau dikehendaki lebih daripada itupun boleh disokong. Kalau dua kali gandapun boleh disokong oleh rakyat, sebab baikpun di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ini semuanya memang kita sokong 100% kerana bumiputra yang menanam padi di Sekinchan, di Kedah, di Perlis, di Kelantan, di Trengganu daripada zaman penjajahan sampai hari ini hidup mereka cuma sedikit sahaja berubah. Selama 22 tahun negeri ini mencapai kemerdekaan, bukan saya kata tidak berubah, berubah, tetapi cuma sedikit berubah jikalau dibandingkan dengan penduduk-penduduk yang ada dalam bandar. Dengan sebab itu orang-orang bumiputra lari daripada tempat-tempat ini ke Kuala Lumpur mencari nafkah, mereka bekerja di kilang-kilang, apa jadi kepada kampung-kampung kita? Oleh kerana cangkullah 24 jam sehari, tidak usah tidur, tidak usah rehat, 24 jam sehari 3 ekar tanahnya menyangkul takkan dapat \$200-\$300 sebulan.

Dengan sebab itu jikalau Kerajaan betul-betul hendak menolong bumiputra yang sekarang masih ada lagi di Kedah yang menyangkul, kalau betul-betul Kementerian ini sayang dan juga barangkali Kementerian Kewangan tidak ragu-ragu kerana mereka ini memang orang yang boleh dikatakan betul-betul habis rendah (the lowest class) di dalam negara kita tentu sekali Kerajaan tidak ragu-ragu, kalau saya bercakap begini Kerajaan tentu kata saya bercakap, tetapi perkara ini memang kita fikir boleh betul diberi dan disokong oleh Kerajaan, bukan \$52 juta ini tetapi didoublekan menjadi \$104 juta. Kalau tidak begitu, orang ini menjadi komunis macam mana? Walaupun sembahyang 50 kali sehari kalau perut kosong tidak tahu Tuhan lagi, kalau anak mati tidak makan, kalau rumah macam di Kedah condong, 22 tahun merdeka, bagaimana pemikiran rakyat yang duduk di kampung apa yang telah diberi?

Sungguhpun ada jambatan, ada taliair tetapi menderitanya terus menderitanya, rumah tidak dapat diadakan—condong-mondong. Inilah baru Kerajaan ada memberi \$1,000 kepada 22,000 kampung, 1,000 kampung atau 500 kampung yang Kerajaan beri \$1,000 tiang empat kerat dan dindingpun tidak dapat dibeli dengan \$1,000, ataupun makin lama makin mahal—atap zinc dan sebagainya, apa yang dapat oleh mereka? Dengan sebab itu biar mereka cangkul sawahnya betul-betul, naikkan harga padi. Kalau harga-harga simen sudah melambung naik daripada \$5.50 satu

kampit sampai \$8.20 satu kampit—35% naiknya, apa sebabnya kita tidak boleh naikkan harga beras yang mana rakyat keturunan bumiputra yang duduk di kampung-kampung ini yang kita kedekutkan sangat, yang kita tekan sangat kepada mereka ini. Ini yang saya tidak tahu langsung, boleh jadi saya bodoh di atas perkara ini, oleh kerana itulah saya tidak dapat kaji bagaimana Kerajaan tidak dapat menimbangkan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong gerakan ini dan diharap pada hari akan datang Kementerian yang bertanggungjawab, iaitu Kementerian Perusahaan Awam memikir untuk menambahkan lagi. Saya yakin dan percaya kedua-dua Dewan, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini akan dengan senang hati meluluskan lebih banyak lagi peruntukan kepada orang-orang kampung ini atas hasil orang-orang kampung itu.

Selain daripada itu, di sini dikehendaki tambahan sebanyak \$10,179,000 di bawah Maksud B. 8, Jabatan Perdana Menteri. Berkenaan dengan perbelanjaan \$10,179,000 ini adalah dikehendaki bagi membiayai pembelian tersebut:

\$7,445,000 bagi membeli pinggan-mangkuk untuk Istana Negara. Ini memang patutlah. Kalau untuk istana tentulah hendakkan pinggan-mangkuk yang elok-elok, bukan mangkuk China ware yang datang daripada sini. Memang bagus, maklumlah istana mestilah dibeli daripada England, yang baik-baik. Itu saya setuju sebab prestige istana kita mesti dijaga, tetapi Yang Berhormat Menteri-menteri dan Parlimen—Ahli Parlimen tak ada—Akta Parlimen sahaja, kalau Ahli Parlimen bagus juga, tetapi Parlimen sahaja. Dan pemberian bintang-bintang, itu betulah. Bintang-bintang ada yang bintang emas, bintang perak, itu mesti dibeli sebab itu berharga, tetapi Yang Berhormat Menteri-menteri ini, adalah peruntukan ini tiap-tiap tahun pinggan asyik pecah sahaja, beri peruntukan untuk Menteri.

Adakah Menteri-menteri ini termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri? Tidak ada. Kemudian esok hendak pula Setiausaha-setiausaha Parlimen. Saya fikir Yang Berhormat Menteri ini boleh diberi tetapi mesti ada hadnya. Kalau tidak ada hadnya, Menteri

nombor satu misalnya begini; Menteri nombor dua begini, Menteri nombor tiga begitu; yang keempat begitu, yang kelima begini peruntukannya.

Di sini kalau sudah diberi kepada Menteri, saya juga hendak minta peruntukan iaitu Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga mesti diberi peruntukan. Kedua-dua mereka ini juga orang-orang luar datang ke rumah mereka, jadi kedua-dua Yang Berhormat ini juga berkehendakan. Apakah sebabnya? Saya ingat taraf Menteri ini serupa juga macam Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Speaker Dewan Rakyat.

Kalau tarafnya disamakan dan kalau difikirkan ini adalah tanggungjawab yang benar-benar tanggungjawab sebagai judges di situ, yang kita bercakap, dia kata: "Stop!" Kita mesti duduk, kalau tidak kita boleh dihalau keluar. Begitu besar sekali tanggungjawab dan dipandang tinggi tetapi tidak ada peruntukan. Apakah sebabnya, mungkin perkara ini dipandang cukup rendah? Ini satu perkara yang saya fikir lain kali mestilah difikirkan, diberi peruntukan sekurang-kurangnya setaraf, tidak usah tinggi daripada Menteri tetapi setaraf dengan Menteri pun cukuplah. Ini untuk ingatan dan peruntukan ini janganlah berulang-ulang kali tiap-tiap tahun, biarlah lima tahun sekali. Jangan minta \$7 juta ini maka tiap-tiap kali diminta \$7 juta untuk pinggan mangkok yang sudah pecah, kerusi sudah habis jahanam tetapi mestilah dihadkan. Kalau tidak dibuat begitu maka Menteri-menteri tidak sayangkan pinggan mangkoknya, ini Kerajaan punya, rosak—peduli, dipecahkan oleh tukang masaknya tidak menjadi hal, jadi ini kita mesti jaga.

Kita dalam Parlimen, baik Dewan Rakyat atau Dewan Negara kita semua kena jaga supaya wang-wang ini sepertimana dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, kita mesti jaga sama-sama, jadi terpaksa saya menjaga dan menengok supaya jangan dibuang-buang wang ini walau satu sen pun kerana ini adalah titik peluh rakyat yang mengeluarkan wang ini daripada cukai-cukai mereka untuk membeli kesemuanya ini. Jadi apa yang digunakan oleh Menteri tadi seperti cawan, pinggan mangkok, dia kata ini daripada cukai rakyat mesti dijaga dengan baik, ini mesti difikirkan oleh Menteri-menteri.

Selain daripada itu, berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Maksud B. 38. Tambahan sebanyak \$140,000 adalah dikehendaki di bawah aktiviti Keselamatan Sempadan untuk perbelanjaan mengurus pejabat Jawatankuasa Wilayah Sempadan Songkhla Thailand dengan memperbaiki dan melengkapkannya dengan perkakas-perkakas pejabat dan juga baki perbelanjaan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Socio-Ekonomi Sempadan Malaysia.

Ini bagus ada peruntukan itu tetapi oleh kerana sempadan adalah penting baikpun sempadan di antara Malaysia dengan Thailand adalah penting terutama sekali pada hari ini oleh kerana jikalau Thailand habis diserang oleh komunis daripada Vietnam, habis Thailand, habislah Malaysia. Ini kita semua tahu, kalau Thailand habis jangan harap Malaysia akan tinggal begini, sungguhpun kita kata kita akan jaga negeri kita, kita beli senapang banyak-banyak, kita beli kapal perang banyak-banyak, kita beli kapal terbang banyak-banyak, misalnya daripada Amerika, berapa kapal terbang? Dua belas kapal terbang baru hendak dibeli hendak menjaga tentera Vietnam yang telah berperang selama 40 tahun melawan Amerika sehingga Amerika kalah. Ini mesti ingat, kalau Thailand jatuh maka kita terpaksa bersiap betul-betul mempertahankan negara kita.

Dengan sebab itu, maka di sini sosio-ekonomi ini kita juga mesti beritahu Thailand, di dalam sesuatu perjanjian jikalau sekiranya perjanjian telah dimaktubkan barangkali Thailand juga mengerti, walau apa Kerajaan sekalipun, walau Kerajaan apa pun mengambil alih, selain daripada bukan komunis, tetapi Kerajaan Thailand mengambil alih, maka perjanjian akan terus menerus jadi perjanjian, bukan nanti jadi "The right of hot pursuit" misalnya. Apabila satu Kerajaan, bukan Kerajaan lain, lain orang mengambil iaitu askar kita yang pergi duduk di sebelah Thailand yang dahulu dimeterikan satu perjanjian, ditarik balik, kita habis lari ke bawah diburu balik. Satu lagi nanti barulah dibuat perjanjian boleh masuk, begini gayanya selalu, maka terpaksa kita ingat di atas perjanjian-perjanjian begini.

Dengan sebab itu saya sokong untuk kebaikan di antara Thailand dengan Malaysia, berapa ratus ribu untuk perkara ini tetapi

perjanjian-perjanjian mestilah dimaktubkan secara perjanjian dan tidak boleh mungkir daripada perjanjian. Nanti datang Menteri daripada Thailand kita peluk, kita sayang, kita dakap tetapi bertukar-tukar, berapa puluh kali kita hendak dakap orang. Ini yang susah sekali. Saya tidak tahu tentang perkara diplomasi ini sebab saya tidak belajar diplomasi. Diplomasi peluk-peluk, saya tidak tahu, jadi itu sebabnya maka cara negara ke negara memang baik sangka di antara satu negara dengan satu negara tetapi tidak ada diplomasi menangis, menyambut itu menangis, cium tangan. Saya tidak tahu langsung tentang diplomasi macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat iaitu B. 51.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sekarang gaji pegawai-pegawai Kerajaan sudah naik, gaji Ahli-ahli Parlimen sudah naik daripada \$1,500 kepada \$3,000, kita pun sudah naik, \$2,000. Terima kasih kepada Kerajaan dan saya berdoa kepada Kerajaan kalau lagi banyak lagi baik, ini memang bagus tetapi gaji pegawai-pegawai Kerajaan pun naik bagus naik, tetapi satu perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan perkara ini oleh kerana janganlah seseorang Menteri nanti bercakap di luar mengatakan kilang-kilang juga mesti naik gaji, private sector pun mesti naik gaji. Kalau private sector naik gaji macam hari ini, harga barang akan melambung lagi, kerana apabila private sector dipaksa menaikkan gaji buruh atau pekerjanya, tentulah kalau misalnya di dalam sebuah faktori membuat songkok, kalau harga songkok, ini \$2 tetapi gaji buruh \$3 satu hari hendak disuruh dinaikkan kepada \$6 maka saya terpaksa menjual songkok daripada harga \$2 sekurang-kurangnya kepada \$3. Siapakah yang memakai songkok? Orang Melayu yang memakai songkok, Orang Melayu dikenakan \$2.50, orang-orang kampung yakni orang-orang di sawah-sawah sana, Tuan Yang di-Pertua. Ataupun apa sahaja seperti besi baik, simen baik, apapun baik, kalau disuruh naik gaji buruh di kilang-kilang maka Kerajaan jangan mengatakan: kilang-kilang jangan menaikkan harga, kerana macam mana hendak jual? Kalau begitu kilang-kilang itu mesti ditutup.

Kalau ditutup kilang-kilang itu, bagaimana pula nanti buruh-buruh tak dapat bekerja, nanti kita jadi huruhara, jahanam. Kilang-kilang lain pun ada kait mengait yang juga terpaksa ditutup, sebab itu saya katakan di sini gaji pegawai-pegawai Kerajaan bagus dinaikkan supaya pegawai Kerajaan boleh bekerja dengan tekun dan rajin, jangan pegawai Kerajaan memikirkan hendak rasuah. Kalau dahulu dikatakan tak cukup gaji, kita ambil duit jadilah rasuah. Begitu juga Wakil-wakil Rakyat kalau dahulu \$1,500 sekarang naik ke \$3,000. Kalau \$1,500 kita makan rasuah; kalau orang hendak tanah, kita boleh interview pemohon tanah itu. Kalau dalam District Committee, kita boleh meluluskan tanah, kita boleh katakan: "Kalau awak hendak tanah atau rumah bolehlah, beri \$200". Tetapi oleh kerana gaji sudah naik daripada \$1,500 kepada \$3,000 tentu tak ada perkara ini berlaku. Pegawai Kerajaan juga oleh kerana sudah naik gaji beberapa peratus, tentu sekali mereka akan berkata: "Saya akan bekerja untuk negara, saya mesti mati-matian bekerja, saya mesti menolong orang miskin, saya mesti buat begitu". Itu kita berjanji, barulah negeri kita jadi kuat, baru negeri kita boleh maju.

Kalau masing-masing memikirkan hendak gasak duit Kerajaan, masing-masing hendak makan suap, masing-masing hendak memikirkan diri sendiri maka jahanamlah negeri. Sebab itu saya katakan, kenaikan gaji buruh memang bagus tetapi kita mesti ingat beberapa perkara supaya jangan nanti menjejaskan rakyat negara ini.

Ini saya bercakap secara ikhlas dan jangan ada setengah pihak mengatakan pegawai Kerajaan sudah naik gaji maka semua sekali mesti naik gaji. Jadi kalau begini gayanya, barang-barang akan melambung naik. Apa telah terjadi di negara-negara asing seperti negeri Jepun, gaji buruh sampai \$1,500 sebulan, dan 6 bulan mereka dapat bonus tetapi harga barang-barang semakin melambung tiap-tiap tahun, makin terus melambung, akan kita hendak macam ini, barang-barang banyak dalam pekan tetapi harganya terlampau mahal. Jadi di negeri kita ini inflation rate cuma 5% mengikut Menteri Kewangan, negeri kita yang habis baik dalam dunia di antara 5%-6% sahaja, jadi kita tak usah tingkatkan lagi inflasi kita itu.

Selain daripada itu, tambahan sebanyak \$747,210 ialah dikehendaki untuk menampung belanja melatih pekerja mahir bagi pembangunan Bintulu di Negeri Sarawak. Ini juga, Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya sokong oleh kerana kalau tidak ada pekerja mahir, kalau misalnya cuma hendakkan buruh biasa sahaja, negeri ini tidak boleh jadi maju. Sebab itu apa yang kita dapati macam mana di kilang-kilang terutama sekali bumiputra, pekerja di kilang-kilang hanya sebagai pekerja biasa sahaja bukan pekerja mahir iaitu menyapu factory, mengangkat barang, mengangkat beras—kerja mahir tak ada, sampai bila begitulah bumiputra selama-lamanya. Melainkan Kerajaan memberi latihan yang sempurna kepada bumiputra atau bukan bumiputra supaya satu-satu negeri itu boleh jadi maju. Dengan itu saya sokong dengan sepenuhnya apa yang dikehendaki di Sarawak untuk mendapatkan beratus ribu ringgit untuk perkara ini.

Selain daripada itu, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, B. 66 Kertas Perintah 22, muka surat 14. Di sini saya hendak tegur mengenai gaji upahan dan segala-galanya sungguhpun diberikan kepada pekerja-pekerja dalam Kementerian ini tetapi kalau tugas pekerja cuma untuk merobohkan rumah orang miskin, asalkan rumah itu rumah haram dirobohkan, datanglah enforcement unit merobohkan rumah haram, tak difikirkan, tak pandang, tak kira apa yang dirobohkan. Saya yakin dan percaya tentulah pekerja-pekerja atau pegawai Wilayah ini memikirkan bagaimanakah kehidupan orang di dalam rumah setinggian itu. Ini tak ada peruntukan tetapi ada kait mengait dengan pekerja-pekerja enforcement unit itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ini bukan Wilayah Persekutuan. Ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Itulah sebabnya katakan begitu. Sebab tanah ini orang mesti tinggal. Soal tanah ini, saya hendak supaya Kerajaan membina rumah-rumah murah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu jauh sedikit.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Ya, jauh sedikit. Saya ingat, ada kena mengena sedikit dengan tanah. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini saya sudah bercakap dan telah sebut sedikit sebanyak, maka saya ingat itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.28 ptg.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan segala teguran-teguran yang dihalakan kepada Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan tertentu itu akan diambil perhatian dan di mana yang boleh, sudah pasti akan ditimbang untuk pelaksanaan.

Berkenaan dengan komen yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Haji Ahmad Arshad iaitu tentang fungsi Jabatan Penerangan yang menyatakan bahawa ada pegawai yang menghentam pegawai dakwah. Memanglah sebenarnya kita bukanlah menghentam atau mengkritik dakwah tetapi tujuannya ialah supaya memberi penerangan kepada rakyat tentang unsur-unsur negatif apa yang dipanggil dakwah songsang iaitu yang wujud daripada pelampau-pelampau ataupun fanatik-fanatik ugama. Itulah yang hendak diterangkan kepada rakyat supaya ugama itu tidak diselewengkan dan tidak disalahfaham oleh rakyat.

Tentang bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, saya percaya ini akan selalu dikesan, kerana memang tujuan pihak Kerajaan apabila memberi apa juga biaya kepada rakyat ataupun golongan yang tertentu memanglah mengharap supaya setiap daripada bantuan itu bukan sahaja sampai kepada kumpulan sasaran (target group) tetapi juga kumpulan sasaran itu akan mendapat faedah jangka panjang daripada penerimaan subsidi atau biaya atau bantuan-bantuan itu.

Senator Raja Datuk Nong Chik juga telah membangkitkan soal mengapa tidak dinaikkan harga beras. Saya percaya perkara ini banyak implikasinya. Misalnya, kalau dinaikkan harga padi dan dinaikkan pula harga

beras, sudah pasti akan memberi kesan yang negatif ataupun kesan yang tidak begitu baik kepada pengguna-pengguna terutama kepada pengguna-pengguna yang miskin dan berpendapatan rendah. Maka buat masa ini untuk membantu petani-petani yang mengeluarkan padi iaitu yang mengeluarkan beras maka mereka dibantu melalui cara lain iaitu dengan memberi subsidi seperti dalam bentuk subsidi secara tidak langsung iaitu yang dipanggil subsidi pengeluaran, seperti subsidi baja, subsidi racun serangga dan juga bantuan-bantuan kredit sama ada kredit bermusim ataupun kredit pengeluaran yang sederhana. Jadi diharapkan dari semasa ke semasa dengan bantuan secara langsung dan tidak langsung ini akan dapat membantu petani-petani dan pihak Kerajaan memanglah sentiasa mengkaji secara manakah dapat meninggikan taraf ekonomi dan taraf hidup mereka yang dalam golongan miskin iaitu yang terdiri daripada petani-petani padi kebanyakannya dapat dipertingkatkan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu membasmi kemiskinan.

Mengenai peruntukan pinggan mangkuk Menteri tadi biarlah saya tegaskan, Timbalan-timbalan Menteri tidak dapat bantuan pinggan mangkuk ini, jadi kami terpaksa menggunakan pinggan mangkuk sendiri, mana yang tidak mampu itu kami belilah pinggan mangkuk yang murah, itu sebabnya tidak jempit Ahli-ahli yang Berhormat makan ke rumah—pinggan mangkuk tidak cantik. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, memanglah tidak menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi pemberian pinggan-pinggan mangkuk ini acapkali, tetapi ianya diberi berkala iaitu selepas kehausan set-set pinggan mangkuk yang telah diberi itu dahulu maka barulah dibuat tempahan khas, tempahan baru set-set pinggan mangkuk. Memang ada seperti kata Ahli Yang Berhormat peruntukan-peruntukan berbeza—tidak semua serupa. Misalnya untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setnya untuk 110 orang, untuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri setnya untuk 100 orang, di Parlimen set makan untuk 500 orang dan Istana Negara untuk 600 orang dan set-set ini adalah tempahan khas yang mana siap dengan logo Kerajaan, ukiran timbul, ada air emas, begitu juga gelas-gelas daripada crystal dan alat-alat sudu-garpu juga daripada perak (silver). Jadi sesuaiilah dengan taraf bankuet-bankuet atau jamuan-jamuan makan malam yang diberi sama ada

yang di Istana ataupun di Parlimen dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat akan menerima set ini akan menjaganya kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri mendapat set untuk 50 orang untuk tujuan jamuan-jamuan rasmi.

Tentang mengapa tidak diberi untuk Yang Berhormat Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Dewan, kepada Yang Berhormat yang membangkitkan perkara ini saya percaya pihak Kabinet mungkin akan meneliti perkara ini di masa akan datang.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai gaji naik—bagus dan juga takut kenaikan harga barang dan dengan itu inflasi akan meningkat, memanglah usaha Kerajaan sekarang supaya dapat mengawal inflasi pada paras yang boleh ditahan oleh rakyat yang mana tidak memberi kesan yang buruk atau kesan yang negatif dan supaya dapat diawasi sama ada dari segi pentadbiran (administrative), dari segi peraturan-peraturan undang-undang ataupun dengan segi penggalakan Tabung misalnya memberi pengecualian cukai terhadap hasil daripada pelaburan maka dapatlah rakyat yang menerima kenaikan-kenaikan gaji ini melabur atau menyalurkan tambahan-tambahan pendapatan ini kepada pelaburan daripada semata-mata digunakannya untuk penggunaan semasa sahaja yang mana sudah pasti ia akan mendorong kenaikan harga, kerana ada orang dalam pasaran yang sudah pasti akan mengeksploitasikan keadaan ini, tetapi jikalau dapat disalurkan kepada tabung dan pelaburan dan seperti kita tahu saluran tabung dan pelaburan itu memang banyak yang boleh digunakan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Saya rasa itu sahaja yang saya hendak jawab, yang lain itu seperti saya kata tadi akan diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas sokongan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang.

**Dato' Abullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.46 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.03 ptg.*

## RANG UNDANG-UNDANG AHLI-AHLI PARLIMEN (SARAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*5.03 ptg.*

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa sekarang gaji, elaun, kemudahan, faedah kemalangan dan faedah persaraan bagi Ahli-ahli Parlimen, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Parlimen dan Anggota-anggota Pentadbiran adalah diperuntukkan dalam beberapa undang-undang. Ini adalah dicadangkan supaya saaran bagi anggota-anggota berkenaan diperuntukkan di bawah satu undang-undang sahaja yang bergelar "Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980" dan semua undang-undang yang ada sekarang ini dihapuskan. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pentadbiran undang-undang berkenaan khususnya, jika perlu, dibuat apa-apa pindaan atasnya dari masa ke semasa.

Sejak tergubalnya undang-undang bagi anggota-anggota tertentu yang ada sekarang ini seperti telah disebutkan tadi belum ada satu kajian yang menyeluruh pernah dibuat mengenai gaji, elaun, kemudahan dan faedah-faedah kemalangan dan persaraan bagi anggota-anggota berkenaan. Pindaan-pindaan pada masa lepas adalah secara *ad hoc* mengenai elaun dan beberapa kemudahan tertentu sahaja sungguhpun dalam tahun 1976 kenaikan gaji bagi kakitangan Kerajaan telah dilaksanakan di bawah Laporan Jawatan-kuasa Kabinet faedah semakan gaji ini telah tidak dipanjangkan kepada Anggota Parlimen atau Anggota Pentadbiran. Oleh yang demikian adalah difikirkan sesuai pada masa ini dibuat kajian yang menyeluruh semasa dengan semakan gaji bagi pekerja-pekerja awam. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua maklum, tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen kini adalah jauh berbeza daripada masa yang lalu kerana seseorang Ahli Parlimen sentiasa perlu berkecimpung rapat dengan rakyat untuk mengetahui lebih mendalam lagi masalah rakyat supaya dapat memberi bantuan yang sewajarnya kepada mereka demi kepentingan negara.

Lazimnya, Ahli-ahli Parlimen perlu menyumbangkan wang dan sebagainya sama ada kepada individu-individu ataupun kesatuan serta mengadakan keraian dan jamuan apabila menerima kunjungan orang ramai di rumah masing-masing. Adalah perkara biasa bagi rombongan-rombongan daripada kawasan pilihanraya misalnya datang mengunjungi Wakil Rakyat dan berada untuk beberapa hari di kediaman setengah-setengah Wakil Rakyat yang berkenaan. Kesemuanya ini sudah tentu akan merupakan bebanan perbelanjaan yang besar yang terpaksa ditanggung oleh Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana beratnya tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen sebagai Wakil Rakyat bagi sesuatu kawasan pilihanraya misalnya maka begitulah juga tanggungjawab untuk Menteri dan Timbalan Menteri malah lebih berat lagi kerana sebagai Menteri atau Timbalan Menteri tanggungjawabnya adalah lebih luas dan meliputi semua aspek aktiviti Kerajaan seluruhnya.

Selain daripada itu, tanggungjawab mereka adalah bagi sepenuh masa dan tidak boleh mengendalikannya apa-apa perniagaan atau perusahaannya persendirian untuk menampung kehidupan mereka seperti yang boleh dilakukan di negara lain.

Bagi menjaga kepentingan mereka supaya tidak mengalami kesulitan kewangan maka dikemukakan kajian elaun, gaji, kemudahan dan faedah-faedah kemalangan dan persaraan seperti yang dicadangkan. Begitu juga memandangkan kepada peranan mereka yang penting dalam hal ini dan sejajar dengan status mereka dalam Dewan Parlimen maka pertimbangan atas gaji dan kemudahan lain bagi Yang di-Pertua-Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua kedua-dua Dewan Parlimen, juga perlu dilaksanakan sesuai dengan relativiti pendapatan mereka dengan anggota-anggota Parlimen yang lain. Rang Undang-undang ini adalah dicadangkan meliputi gaji, elaun bulanan Ahli Parlimen dan faedah-faedah kemalangan dan persaraan sahaja. Elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan lain disyor dilaksanakan secara arahan Yang di-Pertua Agong atau Kabinet yang mana berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang yang bernama "Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980", dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.08 ptg.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Ahli-ahli Parlimen serta menyentuh beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, Clause yang ke 6—Saraan bagi Anggota Pentadbiran—Gaji untuk Perdana Menteri. Memandangkan tugas dan tanggungjawab yang telah dijalankan oleh seorang Perdana Menteri Malaysia ialah amat berat, bagaimana kita semua sedia maklum bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak telah biasa bekerja selama 18 jam tiap-tiap hari dan sampai negara diberitahu yang beliau telah sakit 6 bulan sebelum meninggal dunia.

Beliau tidak ada masa untuk rehat menjaga kesihatan dirinya, menjaga kebajikan atau kesihatan keluarganya. Begitu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Hussein Onn, yang sedang menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri.

Saya cadangkan gaji Perdana Menteri Malaysia sebanyak \$15,000 dan bukan \$8,500 memandangkan tugas dan tanggungjawabnya amatlah berat, maka seorang Perdana Menteri mesti dibayar gaji dengan sepatutnya. Jika kita bandingkan dengan gaji yang diberi kepada Perdana Menteri atau pemimpin pentadbiran negara di luar negeri \$8,500 tidak ke mana sebagaimana yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia bahawa Perdana Menteri Malaysia dibayar gaji \$15,000 sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh kerana elaun bulanan Ahli-ahli Parlimen, saya ingin menyentuh dengan spesifik, elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat telah naik sebanyak \$3,000. Jika dibandingkan gaji yang telah dibayar di Singapura lebih \$3,000. Gaji dibayar untuk Menteri di Singapura ialah \$7,000 tetapi memandangkan tugas-tugas yang amat berat yang dijalankan oleh Wakil-wakil Rakyat Malaysia patut mereka dibayar sebanyak \$3,000. Saya sokong dengan kuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja memberi tahniah tetapi memberi setinggi ribuan terima kasih oleh kerana Kerajaan telah menaikkan gaji \$2,000 untuk Ahli-ahli Dewan Negara. Saya bukan berucap sebab saya diberi \$2,000 tetapi kepada Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia memandangkan ia itu Dewan Negara ialah satu dewan tertinggi di dalam dewan perundangan dalam tanahair kita dan imej Dewan Negara ini menjadi satu institusi simbolik untuk demokrasi berparlimen. Mereka juga memegang tanggungjawab bukan sahaja datang ke Parlimen mengemukakan soalan-soalan, saya tahu sebab saya biasa menjadi sebagai Wakil Rakyat, Senator juga menjalankan bersama-sama tugas terhadap rakyat dan negara, mereka patut diberi gaji yang telah dicadangkan oleh Kerajaan. Sungguhpun parti Pembangkang dan banyak pihak-pihak yang tertentu katakan Dewan

Negara ini ialah satu "rubber stamp", tetapi saya tahu Ahli-ahli Dewan Negara ini mempunyai banyak tanggungjawab kepada negara dan rakyat dan banyak sumbangan telah diberi semenjak mereka merdeka hingga sekarang.

Dengan itu, saya memberi banyak terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana menaikkan elaun bulanan hingga \$2,000. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

*5.14 ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas keberaniannya mengemukakan Rang Undang-undang ini. Keberanian ini ialah berdasarkan kejujuran Kerajaan dan Kerajaan sama ada tahu betapa penting dan berat yang ditanggungkan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Yang kedua, saya berterima kasih juga kepada Kerajaan kerana selama ini masalah ini telah diperdengarkan oleh Ahli-ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini berhubung dengan dapat apalah kiranya Kerajaan memberikan elaun kepada mereka dengan keadaan yang sesuai dan apa yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Keberanian Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, tentulah akan menjadi satu ungkitan dan sungutan rakyat bahawa Ahli-ahli Parlimen telah mendapat satu peruntukan yang dikatakan besar dan mereka merasa bahawa pemberian ini satu pemberian yang tidak begitu adil sekiranya Wakil Rakyat di kawasan itu tidak akan bekerja kerana kepentingan rakyat kawasan itu.

Oleh itu, saya harap Kerajaan mengadakan satu peraturan sebagaimana yang disediakan kepada kakitangan Kerajaan kepada Wakil-wakil Rakyat yang tidak menyempurnakan tugasnya sebagai Wakil Rakyat di kawasan itu hendaklah digantung peruntukan yang diberikan kepadanya. Sekurang-kurangnya diadakan tatatertib bagi pihak parti yang tertentu memanggil Wakil Rakyat itu setelah

mendengar laporan daripada rakyat yang diwakilinya dengan sebab tidak menjalankan tugas. Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak Kerajaan sentiasa membiarkan dan mengikut kehendak-kehendak sewenang-wenang yang dibuat oleh setengah-setengah Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat di kawasan itu, Kerajaan memberi satu elaun yang sangat lumayan, pada hemat saya, saya kuatir bahawa bukan sahaja menyentuh kepada Wakil Rakyat di tempat itu, ini juga akan terjejas kesucian, kejujuran Kerajaan hendak menjalankan tugasnya kepada rakyat dalam negara ini. Kalau kakitangan Kerajaan kita boleh adakan tatatertib kenapa kita tidak boleh buat tatatertib kepada Ahli-ahli Parlimen dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, elaun yang diberikan kepada Wakil Rakyat itu, pada hemat saya, tidaklah begitu tinggi jikalau dibandingkan kepada seorang petani yang mempunyai kebun, tidak usaha banyak pada masa sekarang, kalau dia ada kebun getah 12 ekar dia boleh dapat satu bulan \$3,000. Tugasnya kerana jaga kebunnya. Tetapi Ahli-ahli Parlimen ini diberi tugas kerana menjaga kepentingan pembangunan rakyat dalam kawasan itu. Jadi nilai yang \$3,000 kalau khidmatnya yang baik, yang suci, bukanlah itu kadarnya.

Saya merasa bangga bahawa peruntukan ini diberi dan rakyat mungkin tidak begitu gelisah dengan kelulusan peruntukan ini. Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, elaun-elaun yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini terhadap Menteri dan juga kepada Timbalan Menteri seterusnya bahawa pemberian ini juga menurut hemat saya adalah sesuai dengan keadaan negara kita yang membangun yang telah dapat hasil yang begitu baik; hasil yang baik, negeri yang aman, negeri yang makmur dalam negeri ini ialah dengan sebab bijak pentadbiran Menteri-menteri kita, khasnya Kerajaan.

Bagi rakyat yang telah dapat menikmati hidup alam negara ini dengan keadaan yang macam ini, tidak perlu kita ungkitkan, tidak perlu kita membarikan satu sungutan bahawa Yang Berhormat Menteri telah menerima gaji yang seumpama itu dan juga elaun-elaun yang tertentu.

Tadi rakan sejawat saya Yang Berhormat T.S. Gabriel telah meminta supaya gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dinaikkan sampai \$15,000. Pada pandangan saya, cadangan ini, saya tidak mahu terima kalau boleh. Kita tunaikanlah atas apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Kita tidak boleh mengambil contoh kemudahan atau elaun Ahli-ahli Dewan dan juga Menteri-menteri negeri lain, sebab negara kita ini adalah lain iklimnya.

Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan juga Menteri-menteri telah kita berikan dengan gaji yang ada dalam peruntukan Rang Undang-undang ini hendaknya menjalankan tugasnya yang diletakkan kepada mereka benar-benar mengikut dasar-dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan, kita tidak mahu setengah-setengah Menteri dia tidak bertanggungjawab atas Kementeriannya dan dengan keadaan ini, tentu satu pengawasan patut dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen termasuklah juga Menteri-menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Saya tidak berhajat hendak menyentuh lebih jauh dalam masalah ini, tetapi oleh sebab Bil ini satu Bil yang istimewa kepada saya—Rang Undang-undang yang istimewa pada saya. Jadi saya dapat memberikan gambaran dalam Dewan yang mulia ini supaya Yang Berhormat Menteri ini bukan sahaja dapat diawasi, ditengok oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan negeri ini tetapi mereka juga akan dinilai, akan diuji oleh setiap rakyat dalam negeri ini sekiranya didapati Menteri-menteri ini tidak menjalankan tugasnya, saya mengharapkan kepada parti yang akan datang, jangan diangkatkan dia lagi dan jangan didudukkan dia dalam Kabinet.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Untuk penerangan. Bukan parti, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanggungjawab atas nasib Menteri, itu saya hendak betulkan sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Terima kasih dia membetulkan saya. Dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Menteri-menteri. Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan dengan Perdana Menteri kepada parti. Dengan secara tidak langsung, Perdana Menteri itu menjadi Ketua Kerajaan, dia juga ketua parti, ini juga patut dilihat. Tidak boleh tatatertib dalam Kabinet, tatatertib dalam parti hendaklah dikenakan kepada Menteri-menteri yang menyeleweng.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, termasuklah peruntukan ini diberikan kepada Speaker, saya ucapkan terima kasih. Pada permulaannya saya bimbang dan saya takut Speaker-speaker ini tidak dapat tambahan, mereka akan dapat sebagaimana Ahli Dewan. Saya nampak perubahan ini ada, Speaker dan Timbalan Speakernya dapat peruntukan, ini juga saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana membuat perubahan yang menyeluruh. Sebab tugas Speaker itu dan tarafnya sama sebagaimana taraf Menteri, waktu mempengerusikan atau mengetuai satu-satu persidangan, pemikiran mereka, tenaga mereka sepenuh menghadapi Dewan. Jadi, nilai yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka itu adalah begitu adil dan saya mengharap ini juga kepada Speaker-speaker kita menjalankan satu tugas yang berubah daripada keadaan yang lalu dengan sebab imbuhan telah diberikan oleh Kerajaan—elaun telah diberikan oleh Kerajaan kepada mereka.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa ajaib dalam Rang Undang-undang ini. Saya bukan ahli undang-undang, saya belum baca satu persatu. Yang saya rasa ajaib Rang Undang-undang ini kepalanya sama, kakitangannya sama semua sama kenaikannya. Antara yang saya tidak puas hati itu ialah tentang perutnya, perut itu kecil sedikit. Ertinya Ahli Dewan, ini saya maksudkan Ahli Parlimen, Ahli Parlimen, saya tengek kepalanya bagus dan Speakernya itu sama elaunan Dewan Rakyat dan Dewan Negara sama, elaun-elaun lain sama tetapi bila tentang perut itu tidak sama, dia kecil sedikit. Pada hal Ahli Parlimen ini bukannya ramai. Yang saya tujukan ini, Tuan Yang di-Pertua, terang-teranglah kita bercakap bahawa Ahli Parlimen ini, Ahli Dewan Rakyat mereka dapat elaun \$3,000 sebulan tetapi Ahli Dewan Negara ini \$2,000. Ini yang dimaksudkan perut kecil. Apa salahnya ditibangkan

semula demi bukan kepentingan saya yang bercakap ini, demi maruah Dewan Negara, Ahli Parlimen di masa yang akan datang. Bila sebut Ahli Parlimen, dia sama, Dewan Rakyat \$3,000 Dewan Negara pun \$3,000. Apa salahnya lebih \$1,000 itu diberikan, duit hasil yang begitu banyak.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Tidak ada kerja.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Kata tidak ada kerja, dibandingkan dengan tugas. Memanglah seseorang yang hendak diberikan upahan dinilai atas tugas dan kerjanya. Ahli Dewan Rakyat, saya misalkan, Ahli Dewan Rakyat Negeri Johor ada 16 orang, mereka menjaga 16 kawasan pilihanraya Parlimen tetapi Ahli Dewan Negara dalam Negeri Johor hanya 2 orang sahaja, mereka menjaga seluruh negeri Johor dan seluruh Malaysia pula. Apa salahnya disamakanlah Ahli Parlimen ini. Tentu ada alasan yang mengatakan Ahli Dewan Negara ini tidak macam Wakil Rakyat. Kami Ahli Dewan Negara ini datang daripada parti sama juga tugas kami dengan Dewan Rakyat. Barangkali Tuan Yang di-Pertua pun faham, kalau duduk di Kuala Lumpur ini orang MIC datang bukan daripada Johor sahaja tetapi seluruh Malaysia, jadi kami Ahli Dewan Negara ini begitu juga. Didatangi bukan sahaja dalam kawasan Parlimen tetapi seluruh negeri Johor. Masalah ini juga ada kaitan dengan sumber kewangan, itu yang pertama.

Yang keduanya, Ahli Dewan Negara tidak ramai, cuma 68 orang kalau dibandingkan dengan Ahli Dewan Rakyat lagi ramai. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atau Kerajaan, tolong timbangkan elaun Ahli Dewan Negara ini, Ahli Parlimen ini sama.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Senator Gabriel telah mengatakan Dewan Negara adalah Dewan yang tertinggi tetapi bila kena perut, dia kecil. Jadi pada segi pandangan umum apalah Dewan Negara elaunnya murah, Dewan Rakyat elaunnya tinggi. Jadi kita bukan hendak bertengkar pada sesi itu, tetapi dari segi maruah Dewan ini, maruah Ahli Parlimen, kalau boleh difikirkan balik atas pandangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kemudahan yang akan diberi, yang akan diterima oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Akta ini dan ini juga akan menyeluruh mungkin kepada Ahli-ahli Dewan Negeri. Jadi di antara kemudahan itu, kalau motokar melalui pada tol, itu diberi percuma, kira ucapkan terima kasih.

Satu perkara lagi Ahli-ahli Parlimen ini selalu duduk di bandar dan berkereta pula. Jadi, saya harap kalau boleh parking itu dipercumakan. Waktu dia meletakkan keretanya di mana sahaja kawasan parking Majlis Bandaran dalam Malaysia ini, percumakan juga. Sebab kadangkala seorang Ahli Parlimen itu dia duduk di bandar, kerana urusan di pejabatnya, diletakkan keretanya pada tempat parking daripada jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari, jadi dikira bayarannya tidak kurang daripada empat lima ringgit. Kalau tidak bayar masa itu, sudah kena summon pula.

Jadi saya fikir ini perkara kecil, tetapi walau perkara kecil kemudahan ini dapat diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen di mana juga, bukan di Bandaraya tetapi di seluruh Malaysia, kalau dia nampak apa guna lambang diberi kepada kita, lambang itu "Ahli Parlimen Malaysia", majlis yang tertinggi, jadi tiket tempat berhenti keretanya dikecualikan, diberikan arahan itu.

Itulah sahaja pandangan-pandangan singkat yang dapat saya berikan. Walau macam manapun, saya memberikan sokongan yang penuh atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

5.31 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi dan menyokong dengan sepenuhnya. Saya hendak mengemukakan pandangan sedikit-sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Sebagai Wakil Rakyat dan juga Senator dalam negeri ini memang sudah lama jangkanya elau ini diberi oleh Kerajaan tetapi oleh kerana Wakil-wakil Rakyat kita, baikpun Ahli Parlimen di Dewan Rakyat atau Senate

ini, kita malu-malu minta kepada Kerajaan oleh kerana kita tahu tugas kita. Sebagai Wakil Rakyat tugas kita kalau difikirkan bukan kita minta tugas kita, nah! ini harganya. Tugas kita tidak ada harga, tugas kita harganya terhadap rakyat, iaitu memperjuangkan hak-hak rakyat, memperjuangkan nasib rakyat dalam negeri ini. Jadi tak ada harganya, cuma Kerajaan sahaja memperharganya. Barangkali kalau kita katakan \$3,000 saya ingat tidak ada harganya \$3,000 oleh kerana saya sendiri tahu beberapa tahun, dekat-dekat 15-16 tahun menjadi Wakil Rakyat atau di Senate ini macam mana perjuangan kita menjadi sebagai Wakil Rakyat, pergi ke kampung-kampung merendah, membongkokkan kepala kita, dihamun, kadang-kadang dimaki oleh rakyat sebab barangkali harga getah turun—dihamun, dimaki kita. Kita kata tidak, tengoklah dalam suratkhobar, suratkhobar mengatakan American market jatuh, apa kita hendak buat, dunia bergantung kepada Amerika. Dia kata, apa fasal tidak lawan Amerika, orang kampung kita mana hendak mengerti. Mereka kata apa sebabnya tak lawan Amerika, kita kata kita sudah lawan Amerika ini sebab stok getahnya dikeluarkan, bila sudah keluar, harga getah jatuh. Mereka ini tak erti tetapi kita terpaksa lah bersabar Wakil Rakyat di atas perkara ini.

Dan juga permohonan-permohonan rakyat bukannya sedikit, hendak tanah tak dapat, bukan satu orang minta tanah tetapi banyak yang minta tanah, takkan semua hendak dilayan oleh Wakil Rakyat. Perumahan begitu juga, orang-orang miskin, terutama sekali di kampung-kampung kita berapa banyak yang rumahnya sudah hendak runtuh, rebeh dan sebagainya. Ini juga dia minta, fasal apa orang bandar sahaja dapat rumah batu dan sebagainya, apa sebab orang kampung begini juga hidupnya, kita terpaksa menjawab segala-gala ini. Ini tanggungjawab Wakil Rakyat memberi penerangan-penerangan yang jelas walaupun kita fikirkan itu pedas tetapi terpaksa ambil dengan senyum oleh kerana kita adalah sebagai Wakil Rakyat. Jadi kita memperhambakan diri kita sebagai Wakil Rakyat sebab kita telah menjadi Wakil Rakyat. Ini saya memang betul-betul memberi tahniah kepada Kerajaan oleh kerana Kerajaan telah menghargai betul Wakil-wakil Rakyat kita dalam negeri ini memberikan elau kita sampai \$2,000. Boleh jadi pada hari akan datang, dari satu masa ke satu masa, bukan tahun ini, tetapi 5-6 tahun akan

datang apabila kehidupan kita (standard of living) ini naik oleh kerana barangkali satu-satu sebab banyaknya minyak dalam negeri ini, kehidupan kita tinggi maka mestilah pula Kerajaan memikirkan untuk menaikkan sedikit sebanyak elaun kita sebagai Wakil Rakyat.

Apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi sebagai Wakil Rakyat tanggungjawabnya bukan macam pegawai Kerajaan. Pegawai Kerajaan pukul 8.00 pagi masuk kerja, 4.15 petang habis dutinya, kadang-kadang pegawai Kerajaan apabila rakyat masuk, misalnya hendak minta permohonan tanah dan sebagainya boleh bercakap keras, boleh bercakap kasar, tetapi sebagai Wakil Rakyat tidak boleh sekali-kali, jadi tanggungjawabnya lebih banyak lagi daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan sebab itu perdampingan Wakil Rakyat dengan rakyat di kampung-kampung adalah penting untuk meninggikan taraf hidup rakyat di kampung, terutama sekali yang di luar bandar, misalnya, di Kelantan, di Trengganu, di Kedah dan sebagainya di mana banyak bumiputra lagi yang duduk di luar bandar yang hidupnya susah betul. Di sini Wakil-wakil Rakyat mesti bekerja lebih kuat dan lebih kuat lagi menjalankan tugasnya daripada hari ini. Banyak Wakil Rakyat memikirkan apabila telah menjadi Wakil Rakyat sudah habislah tugasnya, pergi District Committee Meeting, pergi ke Parlimen ini bercakap habis tugasnya, tetapi tugasnya belum habis lagi di kampung-kampung sebab rakyat hendak berjumpa mereka ini tiap-tiap kampung, seboleholehnya kalau dapat mereka ini berpusing dalam daerah dan kawasan pilihanrayanya itu sekurang-kurangnya sebulan nampak mukanya sekali. Kadang-kadang Wakil Rakyat ini setahun pun payah hendak berjumpa mukanya sekali ke kawasan-kawasan tertentu, ini yang dimarahi oleh rakyat sebab rakyat tidak dapat mengadu, tidak dapat berjumpa mereka, tidak dapat bertukar fikiran, tidak dapat bercakap dari hati ke hati. Ini yang banyak berlaku.

Ada Wakil-wakil Rakyat berfikir apabila telah menang habislah tugasnya, tidak payah berjumpa orang kampung lagi, asalkan dapat menyenangkan hati orang-orang besar, Menteri-menteri, sudahlah Menteri nanti fikirkan dia ini kuat bekerja oleh kerana pandai menjalankan tugasnya kepada Menteri-menteri,

depan-depan Menteri itu ditunjukkan betapa kuat kerjanya, tetapi pergi ke kampung langsung tak ada. Ini ada juga Wakil Rakyat berbuat demikian.

Selain daripada itu, ada perbezaannya. Saya harap kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan melihat perkara ini sebab dikatakan Wakil Rakyat ini dan juga Ahli Parlimen di Senate ini difikirkan adalah satu tempat yang kita buat undang-undang. Wakil-wakil di sini adalah boleh dikatakan di dalam negeri inilah yang setinggi-tingginya, tetapi jikalau dalam perjalanannya diberi keretapi first class, ada tempat tidur boleh diberi, tetapi kapalterbangnya economy class yang diberi, jadi tarafnya itu sudah jatuh sangat. Apa sebab pegawai-pegawai Kerajaan super-scale diberi first class, Wakil Rakyatnya duduk di belakang, bukan dikatakan Wakil Rakyat berkehendakkan begini—tidak, tetapi negara malu kerana wakil-wakil negara/negeri, baikpun Dewan Rakyat atau Dewan Negara begini gayanya. Kadang-kadang Wakil Rakyat ini hendak menutupkan malunya dia tambah sedikit untuk menjaga taraf ahli negara/negeri, maka keluarlah wang daripada poket masing-masing supaya boleh dapat menduduki tempat yang sesuai. Ini saya minta kepada Kerajaan menimbangkan di atas perkara ini supaya dapat juga dipertimbangkan.

Tempoh hari kalau mesyuarat di sini Wakil-wakil Rakyat di dalam Wilayah ataupun yang duduk di Petaling Jaya ataupun di Kelang tidak diberi elaun langsung, tetapi sekarang Kerajaan sudah menimbangkan oleh kerana saya fikir Kerajaan telah berfikir jikalau misalnya kita menjadi ahli syarikat, katalah Parlimen ini syarikat, director syarikat itu jikalau dia datang dari mana pun, kalau dia dari Kuala Lumpur, mesyuarat di Kuala Lumpur pun diberi elaun misalnya \$50 kerana menghadiri mesyuarat itu. Tetapi kita dahulu sudah tersilap sedikit oleh kerana kita tidak diberi langsung, satu sen pun tidak ada diberi, sudah bertahun-tahun menjadi Ahli Parlimen yang duduk di Kuala Lumpur ini satu sen tidak diberi, kita terpaksa juga daripada pukul 2.30 sampai pukul 6.30, pukul 7.00, pukul 8.00, pukul 10.00 malam kita duduk di sini, makan, minum dan sebagainya, kalau kita minta tentu kita malu pula. Tengoklah dimintanya, malulah kalau kita minta, tetapi Kerajaan terpaksa memikirkan di atas perkara ini. Jadi sekarang barulah Kerajaan memikirkannya.

Begitu juga berkenaan dengan kapalterbang tadi. Kerajaan juga mesti memikirkan di atas perkara-perkara begini. Perkara ini adalah kecil tetapi kalau dipandang adalah juga memalukan Ahli-ahli Parlimen iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat tadi.

Di sini ada juga risik-risik yang hendak disampaikan iaitu keretapi. Keretapi ini cuma satu sahaja pasnya, jadi hendak dua pas termasuk untuk isterinya. Saya tinggal di Kuala Lumpur tidak mengapa, tetapi ada orang yang duduk di Johor misalnya, berbisik mengatakan dia hendak membawa isterinya bersama, kalau tidak di Kuala Lumpur ini apa hendak jadi dia seorang sahaja? (*Ketawa*) Itu sebabnya dia hendak bawa isterinya juga. Jadi patut sangatlah sebab kadang-kadang Menteri-menteri ke luar negeri bawa isteri, percuma mereka pergi ke luar negeri ke sana ke mari, jadi apalah salahnya diberi sama seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad ini beliau Tuan Haji, jadi fikiran lain tidak boleh mesti pergi ke syurga sahaja yang difikirkannya. Ini halal—entah apa yang halal saya pun tidak tahu. Saya fikir membawa isterinya lebih baik dipandang dari segi ugama dan sebagainya. Saya minta kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya dapat satu lagi pas keretapi first class tadi.

Selain daripada itu, saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang daripada itu, cuma saya harap apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi iaitu Ahli-ahli Dewan Negara juga menjalankan tugas-tugas untuk negara, kalau tidak ada Dewan Negara, Dewan Rakyat juga susah oleh kerana kita ada balance di sini, iaitu di Dewan Rakyat kalau sekiranya pada suatu masa yang akan datang, kalau misalnya pihak Pembangkang sebab pihak Pembangkang katalah satu hal terjadi di sana, tetapi Dewan Negara tetap di sebelah Kerajaan. Kita akan perjuangan untuk negara sebab undang-undang akan diluluskan di sini pula, kalau tidak diluluskan di sini undang-undang tidak akan berjalan, bil tidak akan jadi undang-undang. Dengan sebab itu tugas kami di sini juga barangkali lebih penting lagi daripada Dewan Rakyat sungguhpun di sana adalah dipilih oleh rakyat tetapi kami di sini adalah dipilih oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

5.45 ptg.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengalukan Rang Undang-undang tersebut yang saya pandang sebagai rahmat turun daripada langit, memberi menafaat kepada yang memberi dan memberi guna kepada yang menerima. Patut disyukurkan ini oleh semua Ahli Parlimen mahupun Dewan Rakyat ataupun Dewan Senate ini. Tetapi kalaulah kita menilik seratus tahun akan datang taraf Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini adalah mengelikan hati.

Apabila saya bercakap di sini, saya tidak mahu disebut bagaimana pepatah Melayu mengatakan: diberi betis hendak peha, tetapi saya hendak menyebutkan diberi betis, betis yang sepadan dengan masa dan suasana.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab saya katakan seratus tahun lagi? Apakah akan jadi pada Dewan terutamanya Dewan Negara (Senate), sebuah Dewan yang paling tertinggi dalam negara kita ini, jikalau Ahlinya secara tidak langsung direndahkan tarafnya. Saya tahu banyak faktor-faktor yang penting dalam Dewan Negara ini, tiap-tiap seorang Ahli Dewan Negara dilantik mewakili negeri, bukan satu kawasan atau district. Begitu juga yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, orang yang dipilih, professional ataupun orang yang utama dalam seluruh Malaysia ini dilantik menjadi Ahli Dewan Negara. Maknanya taraf Dewan Negara itu memang agong dan tertinggi dalam negara kita ini tetapi bagaimana saya kata tadi adalah memalukan kita, apabila taraf seorang Ahli Dewan Negara yang kita letakkan benar-benar tarafnya sebagai Ahli Dewan Negara tetapi apabila diseimbangkan macam kata sahabat saya tadi kalau kita membuat kenyataan yang penuh, membuat cara analisa yang muktamad memang betul elau kita adalah kurang daripada elau seorang Ahli Dewan Rakyat. Mengapa? Kita bukan mewakili satu kawasan tetapi satu negeri dan yang dilantik oleh Agong, se Malaysia. Jadi bolehkah disamakan? Sebab apa? Sekurang-kurangnya taraf itu memalukan kita.

Saya sendiri berasa malu berkawan dengan seorang Ahli Dewan Rakyat, misalnya dia dapat \$3,000 ataupun katalah dahulu \$1,500, kita dapat \$1,000. Kita sendiri terasa kecil. Padahal kita mewakili negeri. Saya, Tuan Yang di-Pertua, mewakili negeri saya Perak

berdua dengan Yang Berhormat di hadapan saya ini. Jadi dengan perasaan seperti itu mengecewakan kedudukan kita yang sebenar. Sebab itu saya juga berharap kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya dapat dipertimbangkan, bukan masa ini, kalau tidak hendak buat masa kami pun tidak apa, iaitu setelah kami keluar dari Dewan ini, tetapi orang yang menggantikan kami, kami mahu taraf mereka sebagai seorang Ahli Dewan Negara dalam negeri kita ini yang diakui oleh Perlembagaan negara kita.

Saya malu kalau kita pergi ke luar negeri bila dibawa Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Negara ini dipandang kecil dan tidak bererti. Apakah itu pukulan yang tidak memalukan negeri dan Kerajaan kita? Saya rela kalau \$1,000 pun gaji, \$1,000 Ahli Dewan Rakyat, \$1,000 Ahli Dewan Negara, kita rela menerima dengan rasa bangga sebab sekurang-kurangnya imej Dewan Negara tidak begitu bermakna. Seratus tahun lagi, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang boleh berlaku, banyak perkara-perkara dalam sejarah boleh bertukar dengan cepat dan banyak anak-anak keturunan kita esok berfikir menggelikan hati apa yang kita buat pada masa ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya memuji Yang Berhormat Mulia kita seorang Menteri Kewangan yang pintar, di saat beliau boleh melakukan perubahan, walau bagaimanapun perubahan yang baik kepada kedua-dua Dewan ini. Berani dan ceras dan penuh bertimbang rasa dan memandang jauh, dinaikkan dahulu gaji pegawai-pegawai Kerajaan seperti yang sepatutnya, semuanya naik, kemudian barulah dinaikkan elau Ahli-ahli Parlimen termasuk beliau sendiri pun naik, naik gaji semua sekali Menteri juga termasuk Ahli Dewan. Ini, satu diplomasi yang saya hendak puji Menteri Kewangan kita memang handal dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya teringat sedikit dalam jalinan sejarah Dewan ini sebagaimana kita patut ingat sekarang sudah berapa ratus Ahli Dewan Negara yang sudah gugur dan sudah berhenti dengan tak mendapat apa-apa saguhati. Kesian kepada mereka itu seolah-olah negara kita memejamkan mata kepada beberapa Ahli Dewan ini yang sangat berguna yang sudah meluluskan banyak bil di sini. Dewan Rakyat walau macam mana agung sekalipun tak boleh

meluluskan undang-undang kalau tak diluluskan oleh Dewan Negara. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua menafikan cakup saya ini—betul atau tidak?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Betul.**

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Jadi, bagaimana taraf orang yang macam ini, dia kurang semua sekali. Tetapi Tuan Yang di-Pertua tentulah senyum, dia serupa (*Ketawa*) sebab gaji Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebanyak itu, Yang di-Pertua Dewan Negara begitu juga. Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pun tentu menyokong semua peruntukan Bil ini, tetapi Ahli-ahli Dewan Negara yang lain macam mana? Jadi bagaimanapun supaya negara kita benar-benar berani dan memandang jauh dan memandang pusingan masa, saya ulang balik jangan besok apabila saya bangkitkan di Dewan ini ada orang berkata: Oh! sudah beri betis hendakkan peha. Apa ada kerja Ahli Dewan Negara? Saya amat terkejut kalau ada orang bercakap macam itu. Sesungguhnya Ahli Dewan Negara dari satu negeri itu sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri amatlah benar. Saya sendiri dalam setiap kawasan negeri Perak ada macam-macam meminta dengan saya, minta hadir dalam upacara perasmian, minta hadir menyampaikan hadiah dan minta hadiah lagi. Kalau satu daerah sahaja tak mengapa, daerah saya Kuala Kangsar, negeri Perak begitu luas. Saya boleh tunjukkan kalau tak percaya. Bagaimanakah orang boleh mengatakan Ahli Dewan Negara tak ada apa-apa tanggungan? Setiap hal berlaku dalam negeri dia mesti juga mengambil tahu, dia mesti juga hadir, dia mesti juga memberi pendapat. Saya amatlah terkejut apabila mendengar bandingan-bandingan itu seolah-olah Ahli Dewan Negara di bawah Ahli Dewan Rakyat padahal dalam kanun Perlembagaan negara tak pernah menyebut satu patahpun mengatakan Ahli Dewan Negara tarafnya di bawah Ahli Dewan Rakyat. Adakah demikian, Tuan Yang di-Pertua? Takut saya tak terbaca, mana tahu. Rasa saya tak ada sebab itu saya bermohon penuh dengan harapan yang lebih tinggi daripada gunung, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang kita kasihi dan cantik pula (*Ketawa*) menimbangkan semula elau ini. Sebagaimana saya katakan tadi, kita rela dapat \$1,000 kalau Ahli Dewan Rakyat dapat elau \$1,000 juga. Sekurang-kurangnya tidak jauh taraf dan moral kita sehingga rendah sangat.

Seperti saya katakan dahulu seseorang pegawai Kerajaan dapat gaji \$3,000, seorang Ahli Parlimen \$1,000 apabila dia duduk dekat Pegawai Kerajaan itu, mereka diam-diam berkata dalam hati: Pergilah elauan \$1,000 aku dapat \$3,000 (*Ketawa*) Ini betul, Tuan Yang di-Pertua. Inikah maruah kita? Sebab itu negara-negara yang maju seperti jiran tetangga kita memberikan elauan yang tinggi daripada pegawai Kerajaan, sebab itu menunjukkan maruah negara, menjamin ketuhanan negara dan mencerminkan negara yang berperlembagaan tinggi. Dia tak mahu Ahli Dewan Negara yang tinggi diberi kurang dibandingkan dengan orang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah tujuan Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn supaya setiap pegawai Kerajaan, setiap Ahli Parlimen penuh dedikasi, jujur dan bersih. Itulah sebab dinaikkan gaji oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya menjadi contoh dan menjaga kebersihan, jangan ada lagi rasuah, jangan ada lagi kecurangan dengan rakyat supaya betul-betul menunjukkan Kerajaan bagi faedah rakyat dan untuk rakyat. Sebab itu diberi gaji mahal. Sebab itu apabila kita berhadapan dengan ibubapa di kampung-kampung Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih kalau membandingkan saya dapat \$1,000 mereka dapat \$100. Sangat sedih rasanya hendak menolong mereka yang menanggung 5-6 orang anak itu, tetapi apabila mereka mendengar kita naik gaji, mereka tentu tidak setuju. Mereka tidak tahu apa kewajipan kita, tetapi tak usahlah saya sebutkan lebih lanjut. Kesimpulannya kita bersyukur, tujuan Kerajaan kita supaya wujud pentadbiran betul-betul bersih, pentadbiran negara kita betul-betul jujur daripada pegawai, daripada Ahli-ahli Parlimen semua sekali bekerjasama dalam masa hadapan. Saya setuju apa kata Yang Berhormat Menteri tadi dan saya rasa saya masih ingat dua tahun dahulu saya ingatkan penyelarasan Kerajaan adalah amat penting, penyelarasan untuk mengekori semua projek dalam negeri supaya berjalan betul adalah penting. Sebab itu dinaikkan gaji semua pegawai Kerajaan dan semua Ahli-ahli Parlimen. Saya mengalu-alukan kebijaksanaan ini supaya dapat mengatasi kepincangan yang berlaku dalam negara kita.

Saya sekali lagi menegaskan di sini sudah sampai masanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita sebagai Menteri penyelarasan mengikut semua projek dalam negeri ini supaya berjalan dengan lancar dengan dibawa bersama-sama pegawai-pegawai Kerajaan dan Wakil-wakil Rakyat yang gajinya telah dinaikkan. Kalau ada lagi penyelewengan mereka itu dikeluarkan cepat supaya jangan jadi dedalu dalam negeri ini yang berkehendakkan orang yang jujur dan bersih seperti yang saya sebutkan tadi.

Sekali lagi saya minta maaf kepada Menteri Kewangan yang kecil-molek ini (*Ketawa*) jangan marah iaitu saya hendak ulang balik supaya taraf Ahli Dewan Negara ini sekurang-kurangnya janganlah rendah daripada Ahli Dewan Rakyat. Yang sebenarnya, mengikut Perlembagaan negara kita ini Dewan Negara adalah Dewan yang tertinggi yang meluluskan semua bil Kerajaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris.

5.56 ptg.

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita diberi peluang turut menyokong Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980, yang pada ringkasnya bagi menaikkan tingkatan gaji baru para Menteri dan menaikkan elauan Ahli Dewan Rakyat mahupun Ahli Dewan Negara yang mulia ini termasuklah kedua-dua Yang di-Pertua Dewan yang bersejarah ini dan Timbalannya.

Saya rasa adalah perkara yang menasabah dan wajar pada saat negara yang sedang membangun serta sejajar dengan tanggungjawab yang berat dan amanah rakyat yang diletakkan kepada pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen menjadi teraju Kerajaan yang dipilih bagi mentadbirkan negara ini ke arah yang jujur dan ikhlas supaya negara mencapai matlamat yang dituju iaitu sebagai sebuah negara yang adil, makmur dan bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sedikit sebanyak yang saya telah alami sebagai seorang Ahli Parlimen, lebih-lebih lagi yang mewakili rakyat dan tinggal di kawasan luar bandar, seseorang Ahli Parlimen adalah sentiasa berdamping dengan rakyat. Maka segala masalah yang dikemukakan oleh rakyat sudah pasti dilayan dengan baik sama ada menggunakan tenaga yang terdaya mahu pun kewangan, bagi pihak pemimpin atasan sebagai Menteri saya berpendapat sudah pasti mereka itu tidak sunyi daripada berbagai masalah yang berkehendakkan kewangan bagi melayani rakyat, terutama rakyat yang kurang bernasib baik yang banyak terdapat di seluruh negara kita ini. Ini adalah menjadi satu perkara kebiasaan yang terdapat di kalangan sebahagian daripada rakyat di negara kita.

Atas kenaikan gaji Menteri-menteri kita dan elaun Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam Rang Undang-undang ini sebagai orang yang tanpa memperhitungkan kepentingan diri sendiri dan keluarga sahaja tetapi kepentingan bangsa dan negara yang lebih diutamakan serta sanggup menghadapi tindak-tandok berbagai masalah yang terdapat di dalam negara kita ini sekarang. Saya yakin taraf para Menteri dan kita semua adalah sebagai orang yang memperjuangkan hak bangsa dan negara berdasarkan prinsip Rukunegara. Saya tidak nampak rakyat yang setia di negara kita ini bersungut atas kenaikan gaji dan elaun seperti yang diterangkan dalam Rang Undang-undang ini kerana rakyat yang setia di negara kita ini lebih suka wakil-wakil dan pemimpin-pemimpin mereka itu mendapat kebahagiaan hidup yang sederhana dan sesuai dengan taraf seorang Ahli Yang Berhormat untuk memperjuangkan hak dan nasib rakyat jelata yang begitu lama tertindas di tanah airnya sendiri sebelum negara ini merdeka.

Akhirnya, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pertimbangan yang wajar bagi menyediakan peruntukan yang terlibat dengan Rang Undang-undang ini.

6.00 ptg.

**Datuk Haji Khalid bin Abdullah:** Saya bangun untuk mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah menge-

mukakan Rang Undang-undang yang memang telah ditunggu oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimana sekalipun, pada himat saya perbezaan elaun di antara Ahli-ahli Parlimen iaitu Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah merupakan satu pendapat daripada Kerajaan yang pada himat saya tidak selaras dengan segi Perlembagaan (Constitution) yang meletakkan Dewan ini lebih tinggi daripada Dewan Rakyat.

Saya mengakui fungsi-fungsi Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah berlainan, akan tetapi berlainan ini boleh jadi disebabkan sifat-sifat individu atau boleh jadi dengan sebab-sebab sistem demokrasi yang kita amalkan.

Pada pandangan saya, implikasi atau ripekasi-ripekasi (repercussions) daripada perubahan saraan ini mungkin akan menimbulkan satu pertumbuhan gejala-gejala politik baikpun di kalangan rakyat untuk mendapat tempat di dalam Dewan Rakyat dan juga untuk Ahli-ahli yang lain bagi mendapat tempat di dalam Dewan Negara kerana ia sama ada disetujui, diakui atau tidak ia telah menjadi satu kecenderungan material yang boleh melibatkan perubahan-perubahan politik di tanahair kita.

Saya hanya berharap bahawa Kerajaan yang memang diakui oleh seluruh dunia sebagai sebuah Kerajaan yang cekap dan bijak akan mengawasi gejala-gejala ini supaya tidak ada lahir kelak satu kuncu-kuncu atau kita katakan satu anasir-anasir yang dapat menguasai Dewan melalui cara-cara yang rasuah atau cara-cara yang curang hanya dengan tujuan untuk merebut satu imbuhan yang begitu besar manakala menjadi Ahli Dewan Rakyat atau menjadi Ahli Dewan Negara.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh melupakan sama sekali walaupun sebahagian besar daripada pegawai-pegawai Kerajaan sama ada di peringkat tinggi atau di peringkat rendah telah mendapat satu jaminan hidup iaitu satu ganjaran pencen yang tidak kurang daripada \$180 dan Kerajaan saya berhadap akan dapat berikhtiar supaya perbezaan ini tidak begitu terdapat dikalangan petani-petani, nelayan-nelayan, penjaja-penjaja dan juga peniaga-peniaga kecil dengan kerana mereka inilah satu kelompok yang besar yang dapat menentukan corak pemerintah pada masa

yang akan datang. Dan dari sekarang saya berharap bahawa Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah seperti mana yang saya sebutkan tadi khususnya di negeri Kedah yang mana telah timbul perkara-perkara yang tidak diinginkan. Negeri Kedah adalah sebuah negeri yang kedua terakhir (2nd last) yang diakui bahawa pendapatan-pendapatan rakyatnya adalah amat rendah dan saya percaya serta yakin bahawa Kerajaan akan dapat memberikan penambahan untuk menseimbangkan kedudukan petani-petani yang memang amat rendah pendapatannya.

Akhirnya saya dengan ikhlas dan sukacita menyokong Bil ini, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tuan Haji Mahmoud Salim.

6.05 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah bermurah hati mengemukakan Undang-undang Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 di Dewan Negara ini.

Sebagaimana dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi iaitu Undang-undang ini sebenarnya telah memberi munafaat yang besar kepada Ahli-ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara lebih-lebih lagi faedah yang nampak sangat ialah berkenaan dengan pencen kepada Ahli-ahli Dewan. Jika pada masa yang lepas Ahli-ahli Dewan Negara tidak diberi pencen melainkan setelah berkhidmat selama 9 tahun, tetapi di dalam Undang-undang ini selepas berkhidmat 3 tahun sahaja mereka diberi pencen. Ini adalah satu anugerah dan satu kemujuran yang besar yang telah diberi oleh Kerajaan kepada Ahli-ahli Dewan, tentulah pihak Ahli ahli Dewan "Kecil tapak tangan nyiru ditadahkan" untuk menerima anugerah yang tersebut.

Satu perkara Tuan Yang di-Pertua, yang saya berasa ragu-ragu di sini ialah berkenaan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang ini berkenaan dengan saraan bagi Ahli-ahli Parlimen. Menurut Rang Undang-undang ini, katanya :

"Saraan bagi Ahli Parlimen hendaklah berupa—

- (a) bagi ahli Dewan Negara, elaun bulanan sebanyak dua ribu ringgit;
- (b) bagi ahli Dewan Rakyat, elaun bulanan sebanyak tiga ribu ringgit."

Jadi di sini disebut elaun kemudian di dalam bahagian saraan pula elaun inilah yang hendak diberi pencen, tetapi kalau kita baca di dalam Perlembagaan Malaysia sendiri dikatakan Ahli-ahli Dewan dibayar gaji bukan diberi elaun.

Di dalam Perkara 64 Perlembagaan Malaysia katanya: Parlimen hendaklah dengan Undang-undang menguntukkan gaji bagi Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Jadi kalau sekiranya gaji patutlah mereka itu diberi pencen, saya tidak tahulah adakah elaun ini diberi pencen, tetapi itu terpulang kepada Kerajaanlah dengan sebab perkara ini undang-undang telah diper-undang-undangkan maka elaun juga boleh diberi pencen. Saya takut bertelagah dengan apa yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia yang mengatakan Ahli-ahli Dewan sama ada Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli-ahli Dewan Negara mesti dibayar gaji. Kalau begitu saya fikir Fasal 3 yang ada di dalam Rang Undang-undang ini hendaklah dikatakan saraan kepada Ahli-ahli Dewan Negara, gajinya bukan elaunnya \$2,000 dan kepada Ahli Dewan Rakyat gajinya \$3,000 bukan elaunnya.

Yang kedua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri, Timbalan dan begitu juga kepada Menteri-menteri kerana selain daripada gaji, mereka juga mendapat elaun Ahli Dewan yang juga akan mendapat pencen sama, alhamdulillah ini adalah satu lagi anugerah. Tetapi saya teringat kepada rakan-rakan kita yang lepas, orang-orang yang telah menerima pencen pada masa yang lepas, apa hal nasib mereka ini. Mereka sendiri pencennya sedikit-sedikit sahaja, sekarang ini orang yang berkhidmat selama 3 tahun (36 bulan) pencennya sampai \$750. Orang-orang yang dahulu berkhidmat selama 9 tahun pencennya tidak sampai begitu. Saya harap orang-orang ini, kawan-kawan kita ini, sahabat-sahabat kita yang dahulu tidak dilupakan, harap mereka itu juga akan diberi ganjaran sebagaimana Kerajaan sudah bermurah hati di dalam masa yang lepas.

Saya tidaklah hendak menuduh Kerajaan tersilap tetapi barangkali satu kesilapan telah berlaku iaitu di dalam tahun 1970 hingga 1975 pegawai-pegawai Kerajaan yang bekerja di bawah Skim-skim Gaji Aziz dan Suffian maka pencen mereka itu dikurangkan daripada 1/600 kepada 1/800. Tetapi apakala Skim Gaji Kabinet telah diluluskan oleh Kerajaan, pencen mereka ini, orang-orang yang menerima 1/800 itu ditambah sebagaimana yang asal iaitu 1/600. Maka hasilnya rayuan daripada pegawai-pegawai itu mereka diberi balik tambahan pencen dan ganjarannya yang mana mereka itu diberi semula 1/600 dan tiap-tiap seorang daripada pesara-pesara itu menerima ganjaran, back-pay dan sebagainya. Ada yang \$12,000 dan \$13,000 di antara pegawai-pegawai biasa, pencennya pun dinaikkan.

Saya pun harap begitu jugalah kawan-kawan kita yang telah berkhidmat di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada masa lepas janganlah apakala didengar yang sekarang ini Ahli-ahli yang berkhidmat 3 tahun pencennya \$750 sedangkan mereka itu yang berkhidmat lama pencennya tidak sampai begitu. Haraplah apakala nikmat-nikmat yang dinikmati seumpama ini patutlah sama-sama dinikmati; janganlah separuh sahaja dapat menikmati manakala yang lain itu ditinggalkan.

Tidak payahlah saya bercakap panjang, hanya saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan yang sangat pemurah dan tahniah sekali lagi. Sekian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah.

6.15 ptg.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga sama dengan rakan-rakan yang lain mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku yang telah membentangkan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) berhubung dengan elaun dan sebagainya.

Di dalam hal ini saya ingin juga mengingatkan kepada Kerajaan sungguhpun elaun kita telah naik dan kakitangan-kakitangan Kerajaan juga telah naik gajinya, kita berharap juga pihak Kerajaan pada hari ini

mengawasi kenaikan-kenaikan harga barang-barang makanan yang mana sekarang ini belum lagi kita dapat saaraan ataupun gaji tambahan dan elaun ini, barang-barang banyak yang telah naik, kerana tidak ada price control yang begitu baik. Oleh itu saya berharap kepada Kerajaan supaya ini juga diawasi kerana kita berharap khasnya penduduk-penduduk ataupun rakyat yang miskin yang duduk di kampung-kampung yang terpencil yang mendapat gaji ataupun jualan daripada hasil-hasil tanaman mereka hanya \$100 kadang-kadang \$60 dan sebagainya, kalau dibandingkan dengan harga sekarang umpamanya daging \$5.00 sekati, ikan kembung yang dahulunya 60-70 sen sekati sekarang ini telah naik sampai \$3.00 pun ada. Begitu juga sayur-sayuran dan sebagainya.

Ini kita harap kepada pihak Kerajaan supaya mengawasi kerana kita tidak mahu rakyat akan menuduh kita ini iaitu Ahli-ahli Parlimen umpamanya Ahli Dewan Negara sekarang pun telah kita dengar sindiran dan juga perli daripada orang kampung dan juga pegawai-pegawai Kerajaan pun kadang-kala memperlui kita yang mana mereka mengatakan: awak naik 100%, kami naik hanya 20% dan sebagainya. Tetapi bagaimana kawan-kawan kita telah terangkan tadi iaitu Ahli-ahli Parlimen bukanlah begitu ramai jikalau dibandingkan dengan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berpuluh-puluh ribu.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, tentang kenaikan elaun ini daripada \$1,000 kepada \$2,000 untuk Ahli-ahli Dewan Negara. Dengarnya begitu besar tetapi kepada kita semua rasa saya kita merasai yang \$2,000 itu tidak mencukupi. Memang tidak mencukupi lebih-lebih lagi saya sendiri, biarlah saya terangkan iaitu Ahli Dewan Negara yang duduk di Kuala Lumpur yang mana boleh dikatakan 5 kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan ini 2 daripadanya telah dimenangi oleh Barisan Nasional tetapi 3 daripadanya telah dimenangi oleh parti lawan kita. Oleh itu segala penduduk-penduduk khasnya setinggalan-setinggalan di kampung-kampung yang mana kebanyakannya orang-orang kita yang tidak bernasib baik yang terdiri daripada orang-orang Melayu apa-apa masalah yang timbul di kampung ataupun setinggalan ini semuanya datang kepada kami, bukan kepada Wakil Rakyat umpamanya di kawasan Parlimen Damansara, kawasan parti

Pembangkok mereka tidak pergi tetapi pergi kepada kami, kadangkala sampai pukul 12.00 malam masih ada lagi orang-orang ini datang, kadangkala pukul 5.00 pagi sudah ada telefon mengatakan rumah terbakar, orang kena langgar, saman dan sebagainya. Ini tanggungjawab kita. Oleh itu rasa saya dalam pembahagian ini, saya hendak sebut juga tentang pembahagian elaun yang dikatakan tadi Ahli Dewan Negara dapat \$2,000 dan Ahli Dewan Rakyat dapat \$3,000. Kalau dibandingkan kerja-kerja itu rasa saya tidak ada apa bezanya Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat. Oleh itu kepada Yang Berhormat Mulia Tengku kita berharap tentang elaun ini tidak usahlah di beza-bezakan. Jikalau hendak diterangkan kerja-kerja dan tugas-tugas rasa saya lebih boleh kita terangkan tetapi kawan-kawan saya yang lain telahpun memberi penerangan tadi, memberi hujah-hujah dan sebagainya.

Dalam keadaan ini juga saya berharap di dalam Dewan yang mulia ini kepada Wakil-wakil Rakyat yang akan mendapat elaun ini supaya mereka bersungguh-sungguh bekerja untuk kepentingan rakyat kerana rasa saya di dalam keadaan ini Kerajaan juga berkehendakkan tenaga. Dengan adanya pemberian elaun ini Kerajaan juga mengharapkan kepada Wakil-wakil Rakyat supaya bekerja kuat dan memberi tunjuk ajar dan sebagainya kepada rakyat di kampung. Selalu kita dengar daripada rakan-rakan kita tadi ada Wakil-wakil Rakyat kadangkala hanya melawat ke kawasan-kawasan bila dipanggil sahaja atau kadangkala sebulan ataupun dua bulan sekali pun tidak menjenguk rakyat yang melantik mereka itu. Oleh itu dalam keadaan ini kita berharap dengan adanya elaun yang telah diberi oleh Kerajaan kita harap jugalah Wakil-wakil Rakyat supaya menumpukan tugas-tugas mereka dengan sempurna bagi kepentingan rakyat, negara, bangsa dan ugama.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak berucap panjang, dengan ini sekali lagi saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa serba salah hendak berucap di dalam Bil ini, kerana saya takut, saya dikata, "beri betis, hendakkan peha". Tetapi oleh sebab sebagai Ahli Dewan, saya terpaksa menerangkan sedikit sebanyak pandangan saya di dalam Bil ini. Sebelum itu saya merasa Rang Undang-undang ini dizahirkan adalah satu penghargaan negara kepada Ahli Dewan Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara kerana kita sama-sama maklum sejak negeri kita merdeka tahun 1957 Menteri-menteri kita hanya dibekalkan saraan \$3,000 sebulan selama 21 tahun setelah gaji kakitangan Kerajaan melalui komisen-komisennya naik dari satu ketika ke satu ketika dan kalau kita jumlahkan itu lebih daripada 300%.

Tetapi apa yang dibimbangkan dengan kehormatan ini akan membawa kepada ketidak keutuhan parti. Jadi kalau tidak ada keutuhan parti tidak ada kekuatan Kerajaan dalam segi mentadbirkan negara dalam menghadapi sebarang perselisihan dan masalah tindakan. Inilah saya katakan, "dimakan mati emak, dibuang mati bapak". Pergisiran masih berlaku kerana demikian sebab lumrah alam manusia ini memandang kepada keadaan yang lebih baik. Jadi saya mesti ingatkan kepada Kerajaan yang juga pemimpin parti terutama daripada komponen Barisan Nasional supaya ianya dijadikan satu. Perkara yang berat difikirkan pada masa yang akan datang, hendaknya tidak ada perbalahan, kekecuaan dalam parti apabila Bil ini zahir. Pada saya, saya bersyukur kepada Tuhan saya dapat menyumbangkan tenaga, fikiran sekadar yang ada dan keupayaan baik di Dewan Rakyat mahupun dalam Dewan Negara.

Masalah kekurangan kewangan ini tidak timbul sebab masa dan lapangan yang lain boleh kita mengatasinya. Bukan sebab \$2,000 atau \$3,000 yang kita perhitungkan tetapi peluang Dasar Ekonomi Baru ini masih banyak. Kita boleh mengatasi kecukupan kehidupan kita jikalau kita mempunyai ikhtiar mempunyai peranan dan nekad dalam mengarahkan pendapatan sendiri. Maka dalam Dewan ini sendiri, Yang Berhormat Encik Razak sendiri pun, bukan saya sebagai Ahli Dewan Negara tetapi seorang pembangun, pemaju perumahan yang pendapatan agak lumayan juga walaupun sekali-sekali beliau melayan sahabat handai ke rumah takkan setiap malam mereka datang menumpu

ke pondok kita. Hanya yang saya maksudkan mengucapkan dalam masalah ini ialah tahniah saya kepada Kerajaan kerana penghargaan khidmat yang telah diberikan kepada Ahli Dewan ini dan Dewan Negara. Kata pepatah Melayu: Biar buruk kain dipakai, asal pandai mengambil hati. Kerajaan sekarang tepat dengan pantun yang saya katakan tadi, sudah pandai mengambil hati. Jadi tentulah khidmat kita sebagai Ahli Dewan, Ahli Parlimen akan berlipat ganda walaupun tidak payah kita mengenakan sesuatu syarat supaya kita bekerja lebih kuat, kita boleh janjikan dalam sebarang pilihan-raja.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bil ini hanya saya merayu kepada Kerajaan iaitu peruntukan Jadual 1 muka surat 10, fasal 4 (1), seseorang yang dikira bersara perkhidmatannya hendaklah tidak melebihi daripada

72 bulan. Saya rasa Kerajaan patut menimbang semula dalam perkara ini dan kalau boleh saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan "tidak melebihi" itu dibuang, tinggal 72 bulan atau mana-mana yang lebih, walaupun bukan masanya saya pinda, cuma saya memberi pandangan kepada Yang Berhormat Mulia iaitu dimasuk kira 72 bulan atau mana-mana yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kemukakan begitu seseorang Ahli Dewan ini bukan setakat 3 tahun atau 6 tahun mungkin ada yang lebih tetapi dengan adanya Bil ini khidmat yang lebih daripada 6 tahun itu tidak dikira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, hari esok, 24hb Jun, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*